



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
Senate

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGALKEDUA
Second *Session*

Jilid II

Bil. 27

Hari Khamis

15hb Disember, 1988

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan 1)

PENGUMUNAN TIMBALAN MENTERI PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN:

Fungsi Dewan Negara (Ruangan 32)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang—undang Pertubuhan Peladang (Pindaan) (Ruangan 33)

Rang Undang-undang Perhubungan Perusahaan (Pindaan) (Ruangan 103)

USUL:

Aturan Urusan Mesyuarat (Ruangan 107)

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Khamis, 15hb Disember, 1988

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D 0 A

[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

TEKNOLOGI PERINDUSTRIAN

1. **Tuan Mohd. Noor bin Bedah** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan mengenai usaha-usaha yang sedang dan telah dijalankan untuk membentuk program dan jadual pemindahan teknologi perindustrian daripada pelabur asing yang beroperasi di Malaysia, kepada rakyat negara ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian

[Tuan M.G. Pandithan]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sememangnya mengambil berat terhadap usaha-usaha untuk memindahkan teknologi perindustrian daripada pelabur asing kepada rakyat negara ini. Atas kesedaran ini Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah mewujudkan satu unit yang bertanggungjawab mengawasi pemindahan teknologi secara am, iaitu melalui penyemakan perjanjian-perjanjian ai antara syarikat-syarikat pengilangan tempatan dengan pihak-pihak asing yang dilesenkan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian 1975 atau Akta Penggalakan Pelaburan 1986 ataupun jika disyaratkan oleh Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC). Unit ini akan memastikan bahawa perjanjian-perjanjian itu hendaklah tidak mengandungi peruntukan-peruntukan yang menyekat tidak adil dan melemahkan syarikat tempatan atau tidak selaras dengan kepentingan negara. Di samping itu, jika ada dikenakan

Sukalah saya menarik perhatian Ahli Yang Berhormat bahawa tanggungjawab ke atas proses pemindahan teknologi bukanlah semata-mata terletak di bawah sebuah unit ataupun sebuah Kementerian sahaja. Berbagai usaha sedang dijalankan oleh Kerajaan bagi mempertingkatkan pencapaian teknologi perindustrian seperti mengaaakan dasar sains dan teknologi negara, pengwujudan bab khas buat pertama kalinya dalam Rancangan Malaysia Kelima mengenai sains dan teknologi di mana peruntukan sebanyak \$400 juta telah disediakan untuk aktiviti Penyelidikan dan Pembangunan (Research and Development), penubuhan Taman Teknologi di Bandar Tun Razak dan penyediaan Pelan Pembangunan Teknologi Perindustrian. Kesemuanya adalah penting untuk memastikan bahawa proses pemindahan teknologi akan berlaku dengan lebih lancar melalui peningkatan keupayaan, menerima (absorbptive capacity) dengan menitikberatkan latihan dan kemajuan tenaga manusia di bidang-bidang teknikal serta penubuhan, institut-institut penyelidikan dan, pembangunan atau R & D bertujuan untuk menggalakkan perkembangan teknologi tempatan dan penyesuaian teknologi.

Tuan Haji Hamid Araby bin Md. Salih: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mahupun penjelasan diberi oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi banyak usaha sedang dijalankan khusus atas perindahan teknologi yang lembab, saya ingin bertanya adakah Kementerian itu sedar bahawa mahupun Malaysia adalah negara pengeluar dan pengeksport barang-barang elektronik ketiga besar di dunia, mengapa lebih daripada 90% ahli-ahli teknologi itu terdiri daripada rakyat bukan Malaysia yang mana dibawa oleh pelabur asing yang beroperasi di Malaysia?

Tuan M.G. Pandithan: Tuan Yang di-Pertua, dalam bidang elektrik dan elektronik negara Jepun, Amerika Syarikat dan juga Taiwan telah melabur dengan modal yang besar di negara kita, itulah sebabnya negara-negara itu membawa teknologi negaranya sendiri ke negara kita dan pada satu tahap kelak kita akan mempunyai teknologi sendiri. itulah sebabnya negara kita menubuhkan institut-institut teknologi, mengadakan Dasar Sains dan juga menubuhkan satu Institut Teknologi di Taman Tun Razak.

PENCEMARAN UDARA

2. **Dr Ng Khok Kiung** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:-

- (a) setakat manakah keadaan pencemaran udara di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya;
- (b) apakah punca-punca bahan pencemaran tersebut; dan
- (c) apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian berkenaan untuk menghadapi masalah tersebut.

Menteri Sains , Teknologi dan Alam Sekitar [Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze]: Tuan Yang di-Pertua, raejawab soalan (a), mengikut data pengawasan kualiti yang diperolehi bagi tahun 1987, kualiti udara di kawasan bandaraya Kuala Lumpur dan Petaling Jaya pada amnya adalah memuaskan. Walau bagaimanapun, di lokasi-lokasi tertentu dan setempat terdapat parameter habuk terampai ataupun suspended particles, dengan izin, yang raelebihi standard kualiti udara yang-dicadangkan oleh Amerika Syarikat iaitu 75 mikrogram setiap meter padu. Bagi paras kandungan plumbum di udara pula bagi Petaling Jaya didapati memuaskan, tetapi di Kuala Lumpur kadangkala parasnya melebihi sedikit daripada standard yang boleh diterima iaitu 1.5 mikrogram seciap meter padu.

Soalan (b), biasanya punca pencemaran udara ialah kerja-kerja pembersihan tanah, pembinaan bangunan dan jalanraya, asap dari kenderaan bermotor dan perindustrian tertentu dan amalan pembakaran sampah sarap.

Soalan (c), Jabatan Alam Sekitar telah mengambil langkah-langkah yang wajar bagi mangatasi masalah pencemaran udara seperti berikut:-

- (i) mengetatkan penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-peraturan kawalan;

- (ii) menjalankan lawat siasat kepada punca pencemaran udara seperti kilang, kenderaan, tapak pelupusan sampah sarap dan tapak pembangunan;
- (iii) menjalankan penilaian tapak baru perindustrian, tapak sampah sarap dan projek pembangunan melalui procedure penilaian kesan-kesan alam sekitar atau, environmental impact assessment, dengan izin, dan proses penilaian awal tapak.
- (iv) mengadakan kerjasama dan hubungan rapat dengan Kerajaan-kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tindakan Alam Sekitar di peringkat negeri;
- (v) Melancarkan sejak tahun 1984 satu kempen kesedaran dan pendidikan alam sekitar dan kurikulum sekolah mengenai alam sekitar.
- (vi) mengurangkan paras kandungan plumbum dalam minyak petrol kepada 0.15 gram setiap liter pada 1hb Januari, 1990.

Di samping itu pihak Kerajaan Tempatan' juga mematuhi garis panduan seperti penzonan industri, kawalan hakisan tanah dan urusan tapak sampah sarap.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Macam mana Kerajaan dan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyediakan dan mengatasi sisa-sisa toksid yang berlonggok di setengah-setengah kilang di negara kita.

Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun soalan ini adalah luar dari soalan asal, bagaimanapun saya memberi jawapan yang ringkas. Cadangan Kerajaan ialah

menubuhkan satu kilang olahan atau treatment system yang sebenar dan juga menubuhkan satu tapak yang selamat.

Tuan Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta Menteri berkenaan menjelaskan sama ada sedar atau tidak akan pencemaran udara yang disebabkan oleh beberapa buah kilang papan di Kuala Lumpur. Adakah pihak Kementerian bercadang meminta kilang-kilang papan ini dipindahkan ke tempat lain.

Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze: Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar masalah pencemaran yang disebabkan oleh kilang papan dan cadangan memindahkan kilang-kilang masing-masing sedang dicadangkan dengan Kerajaan Negari.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Cukup, cukup!

FELDA-PENEROKA MENERIMA HAKMILIK

3. **Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan sehingga bulan Oktober, 1988 berapakah jumlah peneroka FELDA yang telah dapat hakmilik dari berapa lama jarak masa untuk mendapat hakmilik tersebut dari tarikh tamat mereka menjelaskan hutang piutang mereka kepada KELDA.

Timbalan Menteri Penerangan [Taan Railey bin Jaffrey]: Tuan yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan No. 3 bagi pihak Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga bulan Oktober, 1988 seramai 7,443 orang peneroka di dalam 38 rancangan FELDA telah menerima hakmilik dan kedudukan mengikut negeri-negeri adalah seperti berikut:-

Negeri	Bil. Rancangan	Bil. Peneroka
Kedah	4	834
Perak	1	108
Selangor	2	426
Melaka	4	695
Johor	10	2,065
Pahang	9	1,767
Trengganu	2	349
N.Sembilan	6	1,199
Jumlah	30	7,443

Tuan Yang di-Pertua, surat-surat hakmilik bagi tanah-tanah yang diuntukkan kepada peneroka-peneroka adalah dikeleluarkan oleh Kerajaan Negeri-negeri yang berkenaan di mana rancangan itu berada. Lazimnya, surat-surat hakmilik akan dapat disediakan dalam jangmasa setahun setelah permohonan mendapatkan hakmilik dikemukakan kepada Kerajaan Negeri. Terima kasih.

Tuan Haji Shaharom bin Maasom: Tuan Yang di-Pertua, daripada dua buah rancangan di Selangor yang telah mendapat suratan hakmilik itu, bolehkah atau tidak Timbalan Menteri menerangkan nama rancangan itu?

Tuan Railey bin Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon maaf dan minta izin kalau sekiranya diperlukan nama-nama rancangan ini saya akan kemukakan secara bersurat.

Puan Hajjah Rogayah binti Che Mat: Tuan Yang di-Pertua,soalan tambahan.Apakah ada sekatan hakmilik yang diberi bagi menjamin pindah milik tidak berlaku dengan sewenang-wenangnya.

Tuan Railey bin Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, sama juga jawapan saya, saya tidak dapat menjawab perkara ini pada hari ini dan memohon izin untuk menjawab sekali secara bertulis.

Tuan Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya minta jalan. Saya percaya apa jua bentuk soalan yang akan dikemukakan oleh Ahli-ahli Dewan Negara, kemungkinan Yang Berhormat tidak akan dapat jawab kerana Yang Berhormat belum pernah dadak dalara Kementerian ini. Cuma saya berasa kesal, Tuan Yang di-Pertua, dan kecewa, kenapa daripada Kementerian yang berkenaan tidak dapat menghantar seorang pun wakilnya untuk menjawab. Walaupun saya tahu Yang Berhormat Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen boleh menjawab bagi pihak Kementerian-kementerian, tetapi saya paling kesal, adakah Kementerian sudah menganggap bahawa Dewan Negara ini, sudah tidak berfungsi lagi ataupun begitu rendah sekali. Ini sahaja yang-paling saya kesal [Tepuk].

Timbalan Yang di-Pertua: Harap ambil ingatan.

INDUSTRI TERNAKAN - MENINGKATKAN

4. Tuan Hassan bin Nam minta Menteri Pertanian menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi melindungi dan meningkatkan industri ternakan di negara ini terutamanya pengeluaran susu dan seterusnya mengurangkan import, Benarkah Kerajaan enggan mengenakan sekatan tarif (cukai dan bukan cukai) terhadap daging lembu import dari India kerana Kerajaan bimbang negara India tidak akan membeli minyak kelapa sawit dari Malaysia. Benarkah daging lembu import dari India kurang bermutu dan tidak bersih seperti yang didakwa oleh setengah pihak.

Timbalan Menteri Pertanian [Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed]: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan melalui Jabatan Perkhidmatan Haiwan sedang meningkatkan industri pengeluaran susu melalui:-

- (a) penubuhan Pusat-pusat Pengumpulan Susu untuk membangun dan memberi segala perkhidmatan Veterinar, pengembangan penternakan dan pengendalian susu secara komprehensif kepada penternak-penternak;
- (b) membekalkan secara jualan subsidi lerabu kacukan tenusu berproduktif yang dibiak di ladang-ladang ternakan Jabatan Perkhidmatan Haiwan atau di-import;
- (c) menggalakkan rakyat Malaysia meminum susu segar dan produk-produk dari susu segar.

Kerajaan telah memutuskan supaya pengimportan daging tersebut tidak diganggu gugat atas alasan imbalan dagangan dua hala di antara kedua-dua negara.

Daging import dari Australia, Amerika Syarikat dan New Zealand adalah daging keratan terpilih atau prime cuts, dengan izin, yang diimport dalam keadaan beku atau dingin. Oleh itu, mutunya adalah lebih tinggi dari daging beku tanpa tulang dan bukan dalam bentuk

keratan terpilih yang diimport dari India. Walau bagaimanapun, ia-nya adalah berair dan sihat untuk dimakan. Kementerian ini sentiasa membuat kawalan mutu dan memastikan supaya daging yang diimport adalah bersih, sihat dan halal.

Tuaa Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, dahulu Kerajaan melah menggalakkan petani-petani di kampung untuk menjalankan projek susu. Apakah projek ini masih berjalan dan jikalau masih berjalan, negeri manakah yang maju sekali dalam men-jalankan aktiviti ini?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahroed: Tuan Yang di-Pertua, kita memang menggalakkan projek susu ini dan pada hari ini sukalah saya menyatakan bahawa pengeluaran susu segar sahaja adalah 15 juta liter dan susu segar yang dihasilkan di Pusat-pusat Pengumpulan Susu (PPS) di seluruh Malaysia adalah berjumlah 11,438,636 liter. Jadi, pada hari ini yang benar-benar menghasilkan susu yang banyak ialah di kawasan Melaka.

Tuan V.K. Sellappan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian menjelaskan sama ada benar atau tidak bahawa daging lembu yang diimport dari India ini kemudiannya dieksport ke negara-negara lain khususnya negara Iran?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, setakat yang kita arahkan pada hari ini dan sekadar yang saya tahu, kita tidak eksport ke negara lain, kita import dan kita gunakan untuk rakyat negara kita di sini.

Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Timbalan Menteri Pertanian telahpun memberitahu tapada Dewan ini bahawasanya daging-daging yang datang daripada Australia dan India sah halal. Soalan saya ialah, untuk menentukan halal itu adakah pihak Kerajaan ini menghantar pegawai-pegawai Islam dari Malaysia untuk menyiasat daging di sana ataupun dengan cerita-cerita apabila diberitahu oleh orang India ataupun orang Australia sahaja? **[Ketawa]**

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya kita menghantar pegawai Islam kita sendiri untuk menyiasat sama ada daging yang maa kita dapati daripada rumah sembelih di sana halal atau tidak. Ini satu perkara yang penting bagi rakyat Malaysia, khususnya orang-orang yang beragama Islam. Kita sama sekali tidak akan mengalpakkan soal ini. Boleh dikatakan kita mengambil satu tindakan yang begitu serius sekali. Oleh sebab itulah umpamanya di India, kita hanya membeli daging daripada 4 buah tempat sembelihan yang mana kita menyiasat dengan sepenuhnya. Umpamanya Rumah Sembelihan Jeno Abattoir, Bombay, rumah Sembelihan Allana Cold Storage, Bombay, Rumah Sembelihan Hindustani Cold Storage, Bombay dan I Ahmad & Co Bombay. Jadi semua sekali ini telah memberi suatu keyakinan kepada kita bahawa mereka melaksanakan penyembelihan itu secara yang dikehendaki oleh ajaran Islam kita sendiri.

Selain daripada itu kita juga ada pegawai kita dan pekerja kita daripada negara ini sendiri yang bertugas sebagai "outcher". 'Butcher' ini ertinya bukan menyembelih sahaja tetapi seluruh urusan menyempurnakan daging itu dijalankan oleh "outcher" yang berkenaan.

Begitu jugalah dengan Australia dan New Zealand, kita menghantar pegawai kita yang tertentu, yang benar-benar mahir dalam soal ini dan kita menerima laporan daripada mereka bahawa segala-galanya di-kendalikan mengikut kehendak dan cara-cara Islam kita sendiri.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Cukup.

HUTANG NEGARA - JUMLAH

5. **Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom** minta Menteri Kewangan menyatakan setelah kelembapan ekonomi agak pulih berapa jumlah hutang negara sekarang ini.

Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Mohamed Farid bin Ariffin]:

Tuan Yang di-Pertua, jumlah hutang negara iaitu hutang luar negeri pada 30hb Jun, 1988 ialah sebanyak \$46,195 juta ataupun lebih kurang \$46.195 bilion, terdiri daripada hutang.

(i) Kerajaan Persekutuan - \$24,991 juta ataupun	
	\$24.991 billion (54%)
(ii) Perusahaan Awam	
Bukan Kewangan	
(PABK) ataupun	
Non-Financial	
Public Enterprises - \$15,699 juta ataupun	
	\$15.699 billion (34%)
(iii) Sektor swasta - \$ 5,505 juta ataupun	
	\$5.05 billion (12%)
JUMLAH:	\$46.195 billion

Jumlah tersebut telahpun berkurangan jika dibandingkan dengan jumlah sebanyak \$50,855 juta ataupun \$50.855 bilion pada akhir tahun 1987 dan sebab utama kekurangan ini berlaku ialah hasil daripada langkah Kerajaan Persekutuan membayar balik awal ataupun, dengan izin, "pr-epay" sebahagian besar daripada pinjaman-pinjamannya.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya merasa lega di atas jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai hutang negara yang kalau dibandingkan dengan beberapa tahun yang lalu meningkat hampir \$70,000 juta. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan jumlah hutang negara 4 tahun yang lalu dengan keadaan 4 tahun yang ada sekarang untuk dibuat perbandingan? Terima kasih.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya ada angka-angka itu tetapi oleh kerana angka-angka ini disediakan untuk jawapan di Dewan Rakyat, tetapi saya tidak masukkannya sama dalam jawapan ini. Walau bagaimanapun, bolehlah saya nyatakan secara umum di sini bahawa sebelum tahun 1984 iaitu sebelum Yang Berhormat Dato' Paduka Daim mengambil jawatan ini, hutang negara adalah lebih tinggi daripada yang ada sekarang. Selepas Yang Berhormat Menteri Kewangan sekarang mengambil, hutang negara telahpun dikurangkan melalui beberapa strategi. Yang pertama ialah "pre-payment", dengan izin, seperti yang saya sebutkan tadi yang telahpun saya jawab 2-3 hari lepas iaitu kita bayar lebih kurang \$5 bilion hampir setahun. Jad keraudian kita mengurangkan perbelanjaan ataupun, dengan izin, tightening the belt dan memotong perbelanjaan dan mengurangkan pinjaman-pinjaman tambahan. Oleh kerana itu maka hari ini kita dapati bahawa daripada \$70 bilion lebih hutang sebelum tahun 1984 telahpun dapat dikurangkan hampir separuh daripada itu ke \$46 bilion. Jadi ini adalah salah satu daripada langkah-langkah yang Kerajaan akan terus ambil untuk mengurangkan hutang luar Kerajaan.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di antara jumlah yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan sehingga hari ini \$46.195 billion masih kita hutang, negara mana yang kita hutang terbesar sakali dalam jumlah ini.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, kita dahulu banyak hutang daripada negara-negara sebelah sini, iaitu Jepun dan Amerika Syarikat, tetapi saya tidak mempunyai angka-angka yang tepat dan walaupun saya ada angka-angka umum, tetapi eloklah saya minta notis daripada Yang Berhormat untuk mendapat jawapan yang lebih lengkap,

Tuan Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Partua, soalan tambahan... Saya kagum atas jawapan yang diberikan oleh Timbalan Menteri, apabila . Timbalan Menteri. memberi jawapan mengatakan semenjak Menteri baru mengambilalih Kementerian Kewangan ini, pentadbiran kewangan negara begitu baik.Saya ingin tahu adakah cara kebetulan pentadbiran kewangan negara begitu baik ataupun di atas kebijaksanaan Menteri yang ada sekarang kalau dibezakan dengan Menteri Kewagan yang lalu.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya melalui recommendation, dengan izin, oleh Menteri Kewangan kepada Kabinetlah maka beberapa strategi telahpun disusun dan diterima oleh Kabinet. Maka saya bolehlah menyatakan di sini bahawa melalui recommendations, dengan izin, yang dibuat oleh Menteri Kewangan sekarang melalui beberapa langkah iaitu seperti yang saya sebut tadi iaitu:

- (i) mengurangkan pinjaman;
- (ii) mengurangkan perbelanjaan;
- (iii) membayar dahulu pembayaran hutang-hutang.

Bukan satu perkara yang berkebetulan, sebenarnya adalah satu perkara yang telahpun difikir dengan mendalam dan kita ambilkira apakah reaksi daripada rakyat apabila Kerajaan mengurangkan perbelanjaan dan ketika itu kita dapati banyak rakyat telah mengeluh dan banyak peniaga-peniaga, kontraktor-kontraktor telahpun banyak mengeluh oleh kerana kontrak-kontrak Kerajaan kurang, oleh kerana pengurangan perbelanjaan tersebut. Walau bagaimanapun, seperti yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kadang-kadang kita terpaksa mengambil tindakan yang waras untuk menentukan masa depan rakyat itu sempurna daripada mencari popularity sahaja, Oleh kerana itulah maka jika sekiranya ada pertelingkahan di antara popularity dengan kehendak negara ataupun national interest, maka kita letak national interest di atas sekali [Tepuk] Oleh kerana itulah maka akhir-akhir ini kita dapati banyak orang mengeluarkan tohmahan-tohmahan yang mengatakan bahawa pertumbuhan ekonomi yang baik ini, pengurangan hutang luar negeri yang lebih ketara ini bukan satu perkara yang dirancang tetapi kebetulan sahaja. Saya ingin menegaskan bahawa ini adalah satu perkara yang dirancang melalui proses-proses yang tertentu, dengan nasihat pegawai-pegawai Kerajaan yang sentiasa bekerja keras untuk membantu Kerajaan untuk mendapatkan satu tahap ekonomi yang menggalakkan dan hari ini kita nampak jelas bahawa daripada -1 dalam tahun 1985, pertumbuhan ekonomi negara, naik 2% dalam tahun 1986 dan naik 5% tahun 1987 dan tahun ini 7.4% dan ada pihak-pihak mengatakan bahawa dengan strategi demikian, mungkin ekonomi negara boleh bertarabab lebih daripada 8%.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya fikir cukup, saya beralih kepada Yang Berhormat Tuan Abdul Hamid.

BEKAS REGIMEN INFANTERI SINGAPURA

6. **Tuan Abdul Hamid bin Ibrahim** minta Menteri Pertahanan menyatakan hasil usaha-usaha yang dibuat oleh Kementerian Pertahanan dengan Kerajaan Singapura untuk menyelesaikan masalah mengenai bekas-bekas Tentera Singapura (Regimen Infanteri Singapura) berkaitan dengan tempoh jangkamasa di antara tarikh perpisahan dan, tarikh masuk berkhidmat semula di dalam Angkatan Tentera Malaysia.

Menteri Pertahanan [Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj]:

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat semenjak daripada tarikh 9hb Ogos, 1965 iaitu tarikh perpisahan Singapura dan Malaysia hingga 31hb Disember, 1966, seramai 702 anggota yang berkhidmat dengan tentera Singapura telah memasuki Angkatan Tentera Malaysia. Daripada 702 anggota tersebut, seramai 564 telah atau akan bersara dengan mendapat pencen dan ganjaran perkhidmatan dan bakinya adalah anggota lain-lain pangkat yang berkhidmat tidak mencukupi 21 tahun.

KAMPUCHEA - PENDIRIAN MALAYSIA

7. **Tuan G. Rajoo** minta Menteri Luar Negeri menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Malaysia untuk menyelesaikan masalah Kampuchea di forum-forum antarabangsa seperti ASEAN, CHOGRM, Bangsa-bangsa Bersatu dan lain-lain lagi. Apakah peranan yang dimainkan oleh Malaysia dan pendirian Malaysia dalam perkerabangan terbaru dan lain-lain lagi. Apakah peranan yang dimainkan oleh Malaysia dan pendirian Malaysia dalam perkembangan terbaru di Kampuchea di mana puak-puak Demokratik Kampuchea bersetuju menerima formula penyelesaian masalah Kampuchea tanpa puak Pol Pot Khmer Rounge yang dibenarkan menyertai sebarang Kerajaan Campuran di Negeri itu.

16.12.88

33. Tuan Haji Jaafar bin Harun minta Menteri Luar Negeri menyatakan setakat manakah hasil yang dicapai dan rundingan damai menyelesaikan masalah Kampuchea di Bogor mulai 1988 yang lalu:

- (i) apakah sebab dan bagaimanakah pergolakan politik yang sedang berlaku sekarang di negara itu dan sudah berapa lama;
- (ii) apakah perkara-perkara yang menjadi halangan sidang damai itu yang belum dapat diatasi; dan
- (iii) bagaimanakah pula peranan Malaysia membantu dalam sidang damai itu.

Timbalan Menteri Pertanian [Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab bagi pihak Yang Berhormat Menteri Luar Negeri dan izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Jaafar bin Harun pada 16hb Disember, 1988 kerana soalannya aalah sama.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Malaysia berserta negara-negara ASEAN yang lain, berusaha mencari penyelesaian politik yang komprehensif mengenai masalah Kampuchea sejak bermulanya pencerobohan Vietnam terhadap Kampuchea pada bulan Disember, 1978. Soal pokok di dalam masalah ini ialah pengunduran tentera Vietnam dari Kampuchea. Perkara Ini dititik-beratkan oleh ASEAN dan masyarakat antarabangsa iaitu dengan mendesak Vietnam mengundur tenteranya keluar dari Kampuchea di bawah pengawasan antarabangsa. Usaha penyelesaian politik ini merangkumi beberapa pirnsip termasuk isu 'National Reconciliation' dengan izin,

agar semua pihak-pihak Khmer yang berbalah dapat bersetuju dan bekerjasama di bawah pimpinan Putera Sihanouk demi menegakkan satu Kerajaan negara Kampuchea yang didokong oleh rakyat Kampuchea melalui pilihanraya yang dikelolai bersama oleh masyarakat antarabangsa. Isu pengawasan antarabangsa untuk mengelakkan tercetusnya kembali dasar 'genocide' juga dititikberatkan. Isu International Guarantee, dengan' izin untuk menjamin kemerdekaan, kedaulatan dan kedudukan Kampuchea sebagai negara berkecuali adalah juga penting. Perkara ini melibati perlunya diadakan persidangan antarabangsa mengenai Kampuchea yang juga akan meneliti soal-soal berkaitan seperti soal bantuan antarabangsa mengenai pembangunan Kampuchea dan Vietnam pada keseluruhannya.

Penyelesaian soal Kampuchea secara komprehensif ini akan mewujudkan keamanan dan kestabilan bukan sahaja di Kampuchea bahkan di rantau Asia Tenggara sejajar dengan usaha Malaysia, dan negara-negara ASEAN menuju ke matlamat raenegakkan rantau ini sebagai rantau aman, bebas dan berkecuali.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa usaha kita dan negara-negara ASEAN yang lain dengan sokongan masyarakat antarabangsa adalah berlandaskan pada penyelesaian secara politik. Dalam konteks ini, saya ingin memaklutkan baha proses perundingan di antara pihak-pihak yang berkenaan telahpun, dimulakan melalui mesyuarat tidak rasmi di Bogor, (JIM), Inaonesia pada 25-28 Julai yang lalu di mana soal-soal berkaitan dengan keseluruhan masalah tersebut dititikberatkan. Malaysia menyokong sepenuhnya proses JIM ini dan akan berusaha dengan negara-negara ASEAN yang lain untuk

memperluaskan persefahaman di kalangan pihak-pihak berkenaan yang terlibat. Usaha-usaha melalui proses JIM ini telah mendapat sokongaa bukan sahaja dari pihak berkenaan yang terlibat malah dari kuasa-kuasa luar yang mempunyai peranan tertentu untuk mempengaruhi agar penyelesaian yang muktamad diperolehi. Masyarakat antarabangsa pada keseluruhannya juga memberi sokongan yang kuat agar usaha yang dipelopori oleh negara-negara ASEAN diberi galakan dan sokongan-sokongan yang tertentu. Ini terbukti semasa perbincangan soal Kampuchea berlangsung di Persidangan Umum Bangsa-bangsa Bersatu sessi ke 43 UN General Assembly pada awal bulan November yang lalu, di mana pendirian negara-negara ASEAN telah mendapat sokongan yang terbanyak sejak perkara ini dibincangkan di PBB pada tahun 1979.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat selanjutnya, usaha-usaha negara-negara ASEAN ke arah mencari penyelesaian tersebut akan diteruskan dan pihak-pihak berkenaan telah bersetuju untuk mengadakan mesyuarat kedua peringkat Menteri Luar (JIM) 2 pada pertengahan bulan Februari nanti. Perkembangan-perkembangan terbaru khususnya perbincangan di antara kuasa-kuasa besar mengenai soal Kampuchea di percayai mempunyai pengaruh positif di dalam usaha rundingan melalui JIM proses. Semua pihak yang terlibat telah menyatakan hasrat untuk menjayakan mesyuarat kedua JIM tersebut.

Tuan Hassan bin Harun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada pihak Kementerian berkenaan sejauh manakah perkembangan politik di negara-negara Blok Timur iaitu dasar terbuka dan liberalisasi menolong merapengaruhi perkembangan di Kampuchea dalam masalah yang berbangkit?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, satu gambaran yang boleh memberansangkan pada hari ini berhubung dengan dasar liberalisma dan juga berhubung dengan persoalan yang ada hubungkait dengan Kampuchea ialah perbincangan yang berlaku di antara Menteri Luar China dengan Menteri Luar Soviet Union. Ini berlaku pada 1 hingga 3hb Disember 1988 di Moscow di mana mereka berdua berbincang mengenai pertama sekali pengunduran tentera Vietnam dari Kampuchea, yang kedua, berhubung dengan national reconciliation atau penyatuan keempat-empat' puak Khmer yang berbalah di antara mereka hari ini dan yang ketiga, dibincang juga soal penamatan bantuan tentera kepada pihak-pihak Khmer ini. Jadi, ini merupakan satu tanda yang menghala ke arah yang lebih baik, yang lebih gemilang bagi usaha-usaha mewujudkan suatu suasana yang baik di Kampuchea.

PENIAGA KECIL - PENDIDIKAN

- 8. Puaa Law Jack Yoon** minta Menteri Kesihatan menyatakan:
- (a) langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian berkenaan untuk mendidik dan menyedari orang-orang yang menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan seperti petani kecil, pengusaha kecil dan peniaga kecil tentang akibat yang bahaya dalam penggunaan bahan-bahan pengawit yang berlebihan pewarna yang bahaya, antibiotiks dalam daging dan racun serangga yang tertentu; dan
 - (b) adakah Inspektor-inspektor Kesihatan mencukupi untuk memeriksa serta menasihatkan semua pengusaha-pengusaha makanan supaya sentiasa mematuhi peraturan-peraturan kesihatan.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' K. Pathmanaban]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pihak Kementerian Kesihatan melalui pegawai-pegawai berkuasa di daerah-daerah dan di peringkat negeri adalah terlibat dalam memberikan didikan dan panduan kepada pengusaha-pengusaha kecilan ini. Aktiviti ini dilakukan secara individu dengan menemui pengusaha sendiri semasa menjalankan tugas pemeriksaan atau pelesenan premis dan juga secara kumpulan melalui kursus-kursus, majlis dialog dan sebagainya yang diadakan dari masa ke semasa. Di samping itu, agensi-agensi Kerajaan yang lain seperti MARDI, MARA, Kementerian Pertanian dan pihak Penguasa Tempatan juga menjalankan pendidikan serupa ini kepada usahawan-usahawan melalui kursus, seminar dan

ceramah yang mereka adakan. Kerjasama di antara Kementerian Kesihatan dengan agensi-agensi berkenaan dalam melaksanakan aktiviti pendidikan ini adalah sentiasa diadakan dan akan dipertingkatkan.

- (b) Buat masa ini Kementerian mempunyai seramai 220 Inspektor Kesihatan untuk aktiviti kawalan mutu makanan termasuk aktiviti memberi nasihat kepada pengusaha-pengusaha makanan supaya sentiasa mematuhi peraturan-peraturan kesihatan. Kementerian juga bekerjasama dengan pihak Penguasa-penguasa Tempatan yang mempunyai Inspektor-inspektor dan pegawai-pegawai berkenaan bagi memastikan pengusaha-pengusaha makanan ini di dalara kawalan Penguasa-penguasa Tempatan tersebut diberi nasihat dan tunjuk ajar yang sama. Jumlah pegawai ini akan ditambah dari ~~masa~~ ke semasa berasaskan kemampuan Kerajaan.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan memberitahu adakah kajian telah dibuat terhadap Ajinomoto yang dikatakan mengandungi kesan-kesan yang tidak baik. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan yang mulia ini?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, soalan sebenarnya tidak bersangkutan dengan soalan asal. Tetapi, Ajinomoto saya rasa banyak disukai oleh orang kita dah penjelasan ini saya rasa adalah perlu.

Di dalam Undang-undang Peraturan Makanan memang ada hadnya untuk kegunaan Ajinomoto khasnya dalam makanan untuk bayi-bayi tetapi baru-baru ini pihak Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO)

telahpun mengumumkan bahawa mereka telah membebaskan Ajinomoto daripada segala had untuk digunakan dalam bahan-bahan makanan.

Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu sekejap tadi bahawa Kementerian mempunyai seramai 220 orang Inspektor Kesihatan, tetapi bolehkah pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan memberitahu berapakah bilangan yang ada di tiap-tiap negari dalam Malaysia? Kemudian adakah pihak Kementerian berasa sudah memadai dan mencukupi dengan rakyat yang mencapai angka lebih daripada 15 juta dengan Inspektor Kesihatan seramai 220 orang?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, Inspektor-inspektor Kesihatan yang saya sebutkan tadi, dari 220 itu, 150 adalah ditempatkan di peringkat daerah di semua negeri dan lainnya untuk kawalan mutu makanan yang diimport di pintu masuk dan sebagainya. Jadi, semua daerah mempunyai Inspektor-inspektor Kesihatan. Jika bertanya adakah kita mencukupi dengan jumlah tenaga **ini**, memang tidak mencukupi, itulah jawapan saya tadi, kita akan cuba menambahkan jawatan ini sejajar dengan kemampuan Kerajaan kita.

PENYELUDUPAN - JUMLAH KES

9. Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah kes-kes penyeludupan yang dapat ditangkap dan juga kes-kes penyeludupan yang tidak dapat ditangkap dari Januari sehingga Oktober 1988 serta berapakah jumlah taksiran cukai yang sepatutnya diperolehi daripada kes-kes **ini**, serta nyatakan sama ada kawalan dan pencegahan yang dilaksanakan telah berjaya mengurangkan penyeludupan **ini**.

Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Mohamed Farid bin Ariffin]:

Tuan Yang di-Pertua, jumlah kes-kes penyeludupan yang dapat dikesan dari Januari hingga Oktober 1988 ialah sebanyak 7,197 kes. Cukai yang sepatutnya diperolehi daripada kes-kes ini ialah sejumlah \$13,250,344.88. Jumlah kes-kes penyeludupan yang tidak dapat ditangkap pula dalam jangkamasa yang sama tidak dapat diketahui kerana tidak ada maklumat mengenainya sebab mereka sebenarnya tidak dapat ditangkap. Berkaitan kawalan pencegahan yang dijalankan oleh Jabatan Kastam dan Eksais Di-Raja terhadap kegiatan-kegiatan penyeludupan, adalah dipercayai bahawa ianya telahpun dapat mengurangkan kegiatan tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat, seperti yang saya katakan tadi dalam tahun 1988, 7,197 kes telahpun dikesan tetapi untuk makluman seterusnya jika diizinkan saya boleh juga memberi maklumat pada tahun 1986 iaitu sebanyak 7,027 dan tahun 1987, 9,132. Jumlah orang yang ditangkap pada tahun 1986 ialah 4,623 orang, tahun 1987, 5,976 orang dan tahun 1988, 4,644 orang.

Daripada orang yang ditangkap itu pada tahun 1988 ini 544 orang telahpun didakwa dan 4,110 orang telahpun dikompaunkan.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah kawasan-kawasan yang biasanya penyeludupan berlaku telah digazetkan? Umpamanya di Johor di perairan kita sempadan dengan Singapura, saya kira banyak kawasan-kawasan penyeludupan yang berlaku di sana.

Yang kedua, apakah anggota kuatkuasa atau pencegah penyeludupan ini cukup mengatasi masalah penyeludupan?

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya

kurang faham apakah yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat kawasan-kawasan yang digazetkan, adakah kawasan-kawasan yang digazetkan itu kawasan-kawasan yang sentiasa digunakan oleh penyeludup ini untuk menyeludup?

Jadi, Tuan Yang di-pertua tidak ada satu undang-undang dalam negara kita yang boleh kita menggazet satu-satu kawasan itu kawasan seludup dan satu kawasan-kawasan bukan seludup. It will be an absurd law, dengan izin.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya bermaksud maknanya kawasan yang telah kita kenalpasti maka tumpuan kita ke kawasan itu maknanya sentiasa dilipatgandakan supaya mengelakkan perbuatan menyeludup ini berleluasa.

Timbalan Yang di-Pertua: Sukan gazetlah.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Maksud gazet berlainan, sebab dia kena ada Warta Kerajaan dan dibuat ada proses-proses undang-undang, mungkin salah choice of words, dengan izin, Walau bagaimanapun, kita sudah pun kenalpasti beberapa kawasan yang disukai oleh penyeludup-penyeludup, tetapi seperti biasa juga jika sekiranya sesuatu kawasan itu telah dikenal oleh pihak-pihak berkuasa maka sudah tentu orang-orang yang membuat kerja-kerja menyeludup akan ubah kawasan itu. So it is, dengan izin, kita terpaksa be on our toes, dengan izin, untuk mengenalpasti kawasan-kawasan yang selalu dipilih sebagai kawasan-kawasan penyeludupan.

Walaupun jika sekiranya Ahli Yang Berhormat tahu satu kawasan tertentu bolehlah beritahu melalui surat rahsia kepada pihak Kastam ataupun kepada Menteri atau kepada saya sendiri untuk menentukan bahawa kawasan-kawasan ini selalu dikawal. Tetapi perlulah diingat bahawa satu kawasan yang dikawal itu tidak akan dijadikan kawasan seludup lagi, dia akan berpindah ke kawasan lain. Oleh kerana itu maka kita terpaksa menggunakan joint effort, dengan izin, antara TLDM dan pihak Kastam untuk mengawal pantai Malaysia untuk menentukan bahawa kawasan-kawasan itu tidak menjadi kawasan-kawasan yang digunakan sebagai kawasan seludup.

Walau bagaimanapun, saya ingin menyatakan di sini dengan ikhlas bahawa kita mempunyai pegawai-pegawai yang cukup tetapi oleh kerana terdapat teknologi moden di dalam dunia hari ini", tiap-tiap kali kita menggunakan satu jenis teknologi, mereka telah menggunakan satu teknologi yang lebih tinggi. Tetapi akhir-akhir ini, alhamdulillah pihak Kerajaan telah pun meluluskan kepada pihak Kastam dan juga pihak-pihak lain untuk membeli alat-alat moden untuk bukan sahaja mengawal penyeludupan, tetapi mengawal tempat-tempat lain yang menjadi tempat pendaratan beberapa pihak yang mahu, dengan izin, go against the law.

Tuaa Haji Shaharom bin Haji Maasom: Soalan tambahan. Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak yang berkuasa kerana begitu gigih dapat mengesan sehingga 7,000 penyeludupan dalam tahun ini, bermakna 20 kes satu hari. Saya ingin tahu selain daripada penyeludup masuk ke dalam, berapa pula rakyat kita yang menyeludup barang kita keluar, seludup pasir misalannya, ini saya tahu kes itu

atau yang lain-lain diseludup. Kemudahan penyeludupan melalui laut barangkali banyak. Bagaimana dengan penyeludupan melalui udara dan darat, maknanya di sempadan di sebelah Utara dan sempadan di sebelah Selatan Semenanjung Malaysia di perbatasan Sabah dan Sarawak dengan sebelah Kalimantan Selatan.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, selalu saya tengok dan baca dalam suratkhbar barang-barang rampasan daripada seludupan ini dibakar. Mengapa dibakar? Tidakkah kita dapat mengambil manfaat daripada barang-barang yang diseludup itu?

Tuaa Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita sedar bahawa ada pihak-pihak yang telahpun menjalankan usaha penyeludupan keluar daripada Malaysia terutama berkenaan dengan barang-barang yang dikenakan cukai, tetapi saya ingin menyatakan bahawa saya di sini tidak ada angka-angka yang tepat untuk memberi jawapan kepada Yang Berhormat yang bertanya tadi. Walau bagaimanapun, jika diizinkan, saya boleh memberi jawapan secara bertulia untuk menentukan fakta yang sebenarnya.

Yang kedua, ingin saya tegaskan di sini bahawa walaupun di dalam akhbar kadang-kadang ditunjukkan ataupun dibawa cerita berkenaan barang-barang yang dirampas itu dibakar, tetapi ingin saya menyatakan adalah menjadi dasar Kerajaan jika sekiranya barang-barang yang dirampas itu sudahpun digunakan di mahkamah dan sudah selesai kesnya, kebanyakan adalah dilelong mengikut tender ataupun mengikut satu quotation yang menasabah. Tetapi jika sekiranya barang-baang yang hendak dilelong ataupun yang dirampas itu tidak boleh digunakan lagi ataupun yang termasuk dalam kumpulan yang bahaya seperti najis dadah dan sebagainya, maka tindakan yang diambil ialah membakar. Baru-baru ini telahpun dibakar beberapa barangan yang disifatkan merbahaya seperti rokok yang mungkin

terkumpul dalam kumpulan yang berbahaya yang dirampas dan juga barang-barang yang telahpun tidak dapat digunakan lagi.

JALAN/PARIT/LONGKANG - PEMBINAAN

10. Puan Hajjah Habidah binti Jusoh minta Menteri Kerjaraya menyatakan, kenapakah banyak pembaikan dan pembinaan jalan-jalan dan parit-parit serta longkang-longkang dibuat pada musim hujan tengkujuh dan musim banjir.

Timbalan Menteri Kerjaraya [Tuan Luhat Wan]: Tuan Yang di-Pertua, adalah kurang tepat bahawa kerja-kerja pembinaan jalan banyak dilakukan pada musim tengkujuh dan musira banjir,

Apa yang sebenarnya berlaku ialah ada kerja pembinaan jalan di masa tempoh penyiapannya menjangkau musim tengkujuh dan musim banjir". Oleh kerana itulah sebabaya terdapat kerja-kerja seperti itu sedang dilakukan pada musim tersebut.

Dari peagalaman pihak Kementerian sememangnya mengetahui bahawa seelok-elok kerja pembinaan jalan-jalan parit-parit dan longkang-longkang tidak ditawarkan semasa musim tengkujuh atau musim banjir kerana pada musim itu banyak masalah berlaku akibat dari keadaan cuaca. Walau bagaimanapun, kawasan yang mana banjir berlaku dengan teruk ada bahagian-bahagian jalan, parit-parit dan longkang-longkang yang rosak atau tersumbat.

Di dalam keadaan demikian, adalah tidak wajar bagi Kementerian menunggu selepas musim tengkujuh atau musim banjir untuk membuat apa-apa pembaikan. Ini akan hanya memburukkan lagi keadaan. Oleh itu untuk mengelakkan keadaan menjadi lebih buruk, maka perlulah beberapa jalanraya, parit-parit dan longkang-longkang diperbaiki dengan segera dengan tidak menunggu selepas musim tengkujuh dan musim banjir berakhir.

Puan Ainon binti Ariffin: Saya ingin bertanya kepada pihak berkenaan iaitu apakah kesetnua kerosakan atau tanah runtuh atau damage jalan raya di Malaysia ini disebabkan oleh hakisan atau bencana alam atau oleh kerana pembuatnya tidak membuat jalan-jalan itu mengikut yang diatitkan atau mengikut syarat-syarat yang ditentukan; umpamanya pihak kontraktor yang membuat, dijanjikan tahan 5 tahun, 10 tahun, tetapi dua tiga tahun jalan itu telah rosak, runtuh ataupun rebah, maksudnya cakap Bahasa Malaysianya disebabkan tidak konkrit piling tidak kena atau kerana kerja-kerja yang tidak mengikut peraturan?

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan keadaan yang mengalami jalan runtuh ialah akibat hujan yang lebat daa juga keadaan yang kadang-kadang curam, tetapi bagaimanapun pihak Kementerian dan pihak Jabatan Kerjaraya belum lagi mendapat sebagaimana yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah oleh kerana tidak mengikut peraturan ataupun mereka buat, kerja dengan sebarangan, tidak membuat benda yang begitu teguh tetapi yang sebenarnya kebanyakan yang kita alami sampai ketika ini ialah oleh kerana keadaan natural disaster, dengan izin, itu yang sebenarnya.

Puan Law Jack Yooa: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaraya, selain daripada aduan dari rakyat, bagaimanakah Kementerian Kerjaraya menentukan, dengan izin, monitor satu-satu jalan yang perlu dibaiki.

Tuan Luhah Wan: Tuan Yang di-Pertua, semua itu bergantung atas berbagai jabatan, Jika sekiranya jalan itu di bawah Kerajaan Negeri, haruslah JKR di Negeri itu memelihara dan meneliti keadaan jalan-jalan itu. Kalau sekiranya jalan itu adalah dalam tanggungjawab pihak Bandaraya, pihak Bandaraya juga terlibat secara langsung untuk memerhatikan keadaan jalan tersebut. Begitu juga jika jalan itu di bawah jagaan pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia, maka Lembaga itu juga akan mengambil perhatian dan meneliti keadaan jalan tersebut.

TENAGA PEKERJA SENDIRI - LATIHAN

11. Tuan Chan Choong Tak minta Menteri Pendidikan, menyatakan apakah rancangan-rancangan yang akan diambil oleh Kementerian beliau untuk mendidik penuntut-penuntut kita untuk menjadi tenaga pekerja sendiri daripada hanya menjadi pencari kerja.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' K. Pathmanaban]: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Pendidikan, sukalah saya memberi tahu bahawa Kementerian Pendidikan memang memberi peluang kepada pelajar-pelajar untuk mendapatkan pengetahuan dan pengalaman melalui kursus dan kemahiran di sekolah-sekolah menengah teknik, vokasional dan politeknik dalam kurikulum bersepadu sekolah menengah (KBSM) yang akan dilaksanakan sepenuhnya pada tahun hadapan.

Matapelajaran kemahiran hidup akan diajarkan kepada semua pelajar untuk mendedahkan mereka kepada unsur-unsur teknologi perdagangan dan keusahawanan. Matlamat matapelajaran itu diajar adalah untuk membolehkan pelajar-pelajar memupuk sifat-sifat kreatif, inovatif dan suka berusaha serta berdikari dan mengamalkan prinsip asas perdagangan dan keusahawanan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut sudah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 12 hingga 35 adalah]

**PENGUMUMAN TIMBALAN MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
FUNGSI DEWAN NEGARA**

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Haji Hussein bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon keizinan Tuan Yang di-Pertua untuk memberikan sedikit penjelasan di dalam Dewan yang mulia ini agar tidak timbul sesuatu salah faham khususnya kepada tetamu-tetamu kehormat di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya negara harus berbangga mempunyai Ahli-ahli Dewan Negara ini yang benar-benar melaksanakan tugas-tugasnya khususnya bagi melaksanakan fungsi Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Dewan Negara telah menjalankan tugasnya bukan sekadar untuk menjadikan Dewan ini sebagai Dewan Penapis segala enakmen yang telah diputuskan oleh Dewan Rakyat sebelum daripada dijadikan perundangan di negara ini, namun demikian serentak dengan itu juga Ahli-ahli Dewan Negara ini telah bertindak menjadi penyelia dan menjadi penggerak kepada Kerajaan dan jentera Kerajaan agar Kerajaan benar-benar dapat melaksanakan segala kebajikan untuk faedah rakyat di negara ini,

Sebagaimana yang telah diarifi oleh semua Ahli-ahli Dewan yang mulia ini bahawa berlandaskan kepada keizinan Peraturan-peraturan Tetap Dewan yang mulia ini, bagi pihak Yang Berhormat Menteri-menteri, Timbalan Menteri-menteri, Setiausaha-setiausaha Parlimen diizinkan menjawab bagi pihak Kerajaan, sebaik-baiknya bagi pihak Kementerian masing-masing. Oleh yang demikianlah, maka berlaku di dalam Dewan ini, Yang Berhormat Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen menjawab bagi pihak Kementerian-kementerian rakannya yang lain.

Kebetulan pula, berlandaskan kepada Peraturan Dewan ini, andainya ada pertanyaan-pertanyaan tambahan yang bangkit dengan statistik, maka bagi pihak Kerajaan sering memohon notis daripada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Saya bagi pihak Kerajaan suka menegaskan di Dewan yang mulia ini bahawa segala soalan tambahan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sebentar tadi yang tidak terjawab bagi pihak Kerajaan, saya akan berikhtiar seboleh-bolehnya yang laku agar semua soalan yang dikemukakan itu akan diberikan jawapan bertulis kemudian kelak.

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua [Tepuk].

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERTUBUHAN PELADANG (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (14hb Disember, 1988).

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian untuk menyambung ucapan pembentangan Rang Undang-undang Pertubuhan Peladang (Pindaan). Dipersilakan Yang Berhormat.

Timbalan Menteri Pertanian [Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed]: Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang dicadangkan juga memperuntukkan kuasa mengawalselia kepada Pendaftar. Di samping itu Pendaftar juga boleh mengeluarkan perintah bertulis bagi menjamin kecekapan dan mengelakkan berlakunya penyelewengan, dan persaingan negatif ai antara pertubuhan-pertubuhan peladang. Mana-mana pertubuhan peladang yang tidak berpuas hati dengan keputusan Pendaftar mengenai cadangan penubuhan syarikat atau penyertaan ekuiti atau syarat-syarat yang dikenakan boleh merayu kepada Menteri dalam tempoh 30 hari dari tarikh keputusan itu dibuat. Apa-apa keputusan Menteri mengenai perkara-perkara tersebut adalah mutktmad dan tidak boleh dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah.

Pada masa ini peruntukan mengenai had liabiliti seseorang ahli atau-unit atas hutang sesebuah pertubuhan peladang terkandung dalam Peraturan 61(3). Memandangkan bahawa peruntukan ini amat mustahak bagi tujuan melindungi ahli-ahli atau unit-unit ahli dari tuntutan hutang pihak luar yang jumlahnya melebihi kadar syer atau kepentingan masing-masing, maka peraturan ini perlu dimasukkan dalam Akta **ibu**. Tujuannya ialah untuk mengelakkan sesuatu pindaan itu dipersoalkan atas alasan ianya terkeluar dari bidang kuasa (*ultra vires*), dengan izin, dengan Akta **ibu**.

Akta Pertubuhan Peladang 1973, Akta 109 memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang adalan Pendaftar Syarikat Kerjasama Berasaskan Pertanian. Sebutan Pendaftar terdapat dalam Ordinan Syarikat Kerjasama 1948, Tanah Melayu; Ordinan Syarikat Kerjasama T958, Sabah dan Ordinan Syarikat Kerjasama Sarawak; Akta Syarikat Koperatif (Pindaan dan Perluasan) 1976, Akta A.334,

mewujudkan dua peringkat Pendaftar di dalam Akta dan Ordinan-ordinan tersebut iaitu Pendaftar dan Ketua Pendaftar. Dengan itu adalah perlu sebutan Pendaftar Syarikat Kerjasama Berasaskan Pertanian diselaraskan supaya Pendaftar Syarikat Kerjasama Berasaskan Pertanian disebut sebagai Ketua Pendaftar Syarikat Kerjasama Berasaskan Pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, pada amnya Rang Undang-undang Pertubuhan Peladang (Pindaan) 1988 dijangka akan dapat meluaskan aktiviti-aktiviti pertubuhan peladang, terutama dalam bidang ekonomi sesuai dengan perkembangan semasa. Walaupun kuasa bagi pertubuhan peladang bergiat dalam bidang perniagaan dan perdagangan diperluaskan, Rang Undang-undang (Pindaan) ini juga memperuntukkan kuasa yang secukupnya kepada Pendaftar Pertubuhan Peladang untuk mengawal kegiatan tersebut dan mengambil tindakan yang perlu terhadap apa-apa penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa di bawah Akta ini.

Kementerian Pertanian mengambil berat terhadap semua perkara ini dan berharap dengan adanya pindaan-pindaan seperti yang terkandung dalam Rang Undang-undang ini, matlamat bagi membangunkan sosio-ekonomi peladang dan sektor pertanian keseluruhannya boleh dicapai.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato Haji Zakaria bin Haji Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Pertubuhan Peladang dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas, Yang Berhormat Tuan Dahalan.

3.40 ptg.

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih kerana memberi saya peluang untuk menyertai perbahasan secara ringkas dan seterusnya menyokong di atas Rang Undang-undang untuk meminda Akta Pertubuhan Peladang 1973 yang telah dibentang oleh Timbalan Menteri sebentar tadi. Saya akan tempuh bidang-bidang tertentu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini mengemukakan 5 perkara yang penting iaitu:

- (i) supaya Pertubuhan Peladang dibolehkan bergiat dalam usaha-usaha perdagangan atau perniagaan dan bersaing dalam pasaran dengan syarikat-syarikat swasta;
- (ii) melarang syarikat-syarikat atau menyertai ekuiti tanpa izin daripada Pendaftar dan seterusnya untuk memastikan Persatuan- Peladang itu- diuruskan dengan cekap;
- (iii) untuk menghadkan liability atau tanggungan ahli-ahli; dan
- (iv) menggantikan sebutan "Pendaftar" dengan "Ketua Pendaftar."

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa wajar untuk Rang Undang-undang ini diluluskan memandangkan bahawa bidang kuasa dan bidang niaga Pertubuhan Peladang hingga kini amat terhad sekali dan dengan ini Pertubuhan Peladang tidak mungkin boleh jadi sebagai satu organisasi yang self-sufficient dan sebagai profit centre, dengan izin. Memang sebelum Rang Undang-undang iai diluluskan, saya percaya sudah pun ada kegiatan perniagaan dan perusahaan yang dilakukan di bawah

Pertubuhan Peladang atas inisiatif pusat masing-masing terutama di bidang agro-industry.

Tuan. Yang di-Pertua, mengikut data laporan tahunan pihak Kerajaan Persekutuan memberi pada hitung panjangnya S34 juta untuk Kumpulan Wang Mengurus setahun dan 322 juta hingga S35 juta untuk 1985-1986 setahun untuk Kumpulan Wang Pembangunan. Pada tahun 1985 Kerajaan memberi S32.69 juta dan lebih 90% diguna untuk gaji dan upahan serta bayaran berkaitan dengan kakitangan. Begitu juga pada tahun 1986, Kerajaan memberi S35.36 juta dan lebih 90% diguna untuk bayaran kepada kakitangan. Bayaran ini adalah begitu besar dan adalah diharapkan bahawa faedah yang dinikmati oleh peladang-peladang setimpal dengan bayaran ini. Saya pada mulanya bahawa LPP ini adalah satu organisasi yang begitu besar dan begitu penting di sisi Kerajaan dan rakyat. Memandangkan bebanan Kerajaan terhadap bayaran gaji tahunan ini kepada kakitangan LPP, memang wajar sekali untuk Rang Undang-undang ini diluluskan agar daripada keuntungan yang terdapat daripada kegiatan ekonomi Pertubuhan. Peladang akan dapat menanggung perbelanjaannya sendiri pada suatu hari kelak dan menjadi satu agensi Kerajaan yang profit-oriented dengan izin selain daripada service-oriented, dengan izin. Mudah-mudahan LPP menjadi profit-centre Kerajaan di bidang pertanian yang dapat dibanggakan.

Tuan. Yang di-Pertua, mungkin dengan pindaan-pindaan yang dicadangkan itu pihak Pertubuhan Peladang dapat menerokai di bidang industri berasaskan pertanian untuk tujuan import substitution, dengan izin, bagi input-input pertanian seperti baja, racun dan kimia-kimia pertanian lain supaya barag-barang ini dapat dibuat di

negara kita.

Pertubuhan Peladang juga dapat menerokai di bidang perladangan terutama untuk makanan manusia dan binatang yang masih banyak di-import sekarang. Selain dari Faedah keuntungan dengan kelulusan Rang Undang-undang ini, faedah dari segi sekatan pengaliran wang keluar negara untuk input pertanian dan makanan dapat juga dicapai, insya Allah.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan wajar Rang Undang-undang untuk tujuan mengemaskini dan untuk tujuan menyelaraskan keselamatan dan kawalan pindaan-pindaan berkaitan seperti melarang penubuhan syarikat-syarikat atau menyertai ekuiti tanpa izin dari Pendaftar, Pindaan menghadkan liability dan pindaan sebutan dari Pendaftar kepada Ketua Pendaftar diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi penekanan terhadap Fasal 2, subseksyen (2) yang baru iaitu melarang penubuhan apa-apa syarikat atau penyertaan ekuiti dalam mana-mana usaha perdagangan atau perniagaan oleh sesuatu Pertubuhan Peladang tanpa kelulusan dan juga subseksyen (3) dan (4) dengan tujuan untuk mengawal perjalanan Pertubuhan Peladang supaya diuruskan dengan cekap - "diuruskan dengan cekap", saya tekankan di sini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebut tadi tujuan supaya memastikan pertubuhan itu diuruskan dengan cekap. Saya amat-amat sanjung di atas matlamat ini kerana bila kita cekap, kita untung dari segi produktiviti. Kita jimatkan masa, kita jimatkan wang, tenaga, peralatan dan kita untung dari segi kualiti dan kuantiti kerja dan barangan.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan ini, inginlah saya sentuh sedikit dengan perjalanan dan pengurusan LPP iaitu badan induk Pertubuhan Peladang. Dengan sekali imbas memandangkan kepada Penyata Kewangan 1986 dapat saya petik beberapa perkara yang dapat dibaiki. Saya hanya ingin tempuh mengenai pengurusan wang tunai (cash management) iaitu di bawah tajuk Harta Semasa dalam Kunci Kira-kira Untuk Wang Yang Disatukan pada 31.12.86. Pada 1985, simpanan jangka pendek berjumlah S22.5 juta dan wang di akaun semasa dan di tangan sebanyak 330.7 juta sedangkan simpanan tetap hanya berjumlah \$11.2 juta iaitu 17% daripada jumlah wang tunai sahaja. Pada tahun 1986, simpanan jangka pendek naik kepada S24.2 juta dan wang di akaun semasa dan dalam tangan S28.3 juta sedangkan simpanan tetap hanya S9.44 juta iaitu hanya 14% daripada jumlah wang tunai.

Tuan Yang di-Pertua, jelas sekali praktis ini kurang menguntungkan kerana faedah yang terdapat dari simpanan tetap adalah lebih besar daripada faedah dari simpanan jangka pendek dan wang dalam current account dan dalam tangan yang langsung tidak memberi faedah.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, inginlah saya cadangkan supaya pengurusan wang tunai ini dikaji semula supaya lebih berfaedah dengan cara meningkatkan jumlah simpanan tetap di bank umpamanya 70% dari jumlah wang tunai. Tidak perlu ada banyak wang di tangan dan di current account sekiranya tidak mendapat faedah. Ini jelas sekali kerana pada tahun 1986 faedah dari simpanan tetap ialah sebanyak \$1.2 juta. Faedah untuk simpanan jangka pendek hanya

\$559,000 dan \$149,000 untuk wang dalam current account bagi Kumpulan Pembangunan. pada 31.12.86, sedangkan. simpanan tetap hanya \$6.5 juta sahaja dan simpanan jangka pendek sebanyak S16 juta dan wang di current account dan di tangan sebanyak \$22.3 juta.

Atas penjelasan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali sarankan agar pihak Lembaga Pertubuhan Peladang mengambil perhatian atas pandangan saya ini agar LPP akan lebih mendapat faedah dari wang tunainya yang begitu banyak. Saya tidak dapat membuat perbandingan yang lanjut oleh sebab saya tidak ada bersama saya Laporan Tahunan 1985 dan 1987. Dan sekiranya Laporan 1985 dan 1987 pun menunjukkan angka-angka yang agak serupa, nyatalah ini memang amalan LPP untuk menyimpan banyak wang di tar.gan dan di dalam akaun semasa yang tidak banyak mendatangkan faedah sebaliknya mungkin terdedah sangat.

Sekiranya tidak praktikal untuk disimpan dalam simpanan tetap sekurang-kurangnya di dalam jangka pendek. Saya tidak tahu kedudukan dan pengurusan wang tunai di peringkat Pertubuhan Peladang. Saya harap ini tidak berlaku seperti yang berlaku di peringkat LPP.

Selain daripada ini saya juga menarik perhatian LPP supaya memberi perhatian kepada nota-nota daripada Ketua Audit Negara mengenai perjalanana dan pengendalian akaun LPP seperti tercatat dalam Laporan tahun 1986. Saya tidak ingin mengulangi secara detail tetapi inginalah saya menyebutkan iaitu daripada hampir S30 juta pinjaman hanya S0.95 juta iaitu kurang daripada 31 juta dibayar balik iaitu kurang daripada 3% pada tahun 1986 daripada jumlah pinjaman tadi. Mengenai Kumpulanwang Modal Pusingan Pembangunan, daripada baki S14.4 juta hanya S0.8 juta iaitu 7% dibayar balik pad tahun 1986. Mungkin ini masalah bersama iaitu pihak peminjam memang tidak dapat membayar balik hutang kerana keadaan ataupun ada masalah kutipan lain yang dihadapi oleh pihak LPP. Bagaimana pun saya percaya pihak LPP lebih memahami keadaan sebenar dan saya percaya Lembaga ini boleh mengatasi keadaan ini melalui follow-up, dengan izin, yang lebih berkesan.

Dengan ini inginalah saya sekali lagi menyokong atas Rang Undang-undang ini agar dengan kelulusannya dapatlah Pertubuhan Peladang bergerak sebagai profit centre, dengan izin, melalui penerokaan dalam bidang perdagangan dan perindustrian dan melalui mempelbagaikan kegiatan ekonomi dalam usaha untuk mempertingkatkan tahap pertanian melalui sains dan teknologi dengan bantuan dan pengawasan daripada LPP dan Pendaftar.

Tuan Yang di-Pertua,sekali lagi saya menyokong, sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Habidah.
3.53 ptg.

Puan Habidah binti Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun. untuk menyokong Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda. Akta Pertubuhan Peladang 1973 dan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk bersama-sama menyokong dan merabahaskan Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam menyokong Rang Undang-undang pindaan Akta Pertubuhaa Peladang 1973 ini, saya ingin mengambil keserapatan untuk menyatakan sedikit pandangan saya mengenai hal Pertubuhan Peladang- ini di mana" sepanjang pengetahuan saya Pertubuhan-Peladang ini diwujudkan semata-mata untuk mengendali hal-hal peladangan masyarakat peladang agar ianya benar-benar berjaya di dalam arena hidup mereka supaya menjadi peladang yang, produktif. Tetapi oleh kerana fungsi Pertubuhan Peladang hampir sama dengan fungsi Jabatan Pertanian, maka masyarakat peladang juga kadang-kadang tidak begitu faham yang manakah peranan Jabatan Pertanian dan yang mana pula peranan Pertubuhan Peladang.

Oleh itu, apakah salah kiranya masyarakat peladang itu diletakkan di bawah satu pertubuhan sahaja iaitu Pertubuhan Peladang yang merangkumi pertanian ternakan, haiwan dan perikanan yang kesemuanya ini di bawah takrif peladang Malaysia dan diletakkan di bawah Kementerian. Perladangan Malaysia dan bukan di bawah Kementerian Pertanian seperti mana yang ada sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh Fasal 2 bertujuan. membuat pindaan kepada seksyen 6 Akta bagi membolehkan Pertubuhan Peladang bergiat dalam usaha-usaha perdagangan atau perniagaan yang lebih besar dan bersaing dengan syarikat-syarikat swasta. Oleh itu diharapkan Pertubuhan. Peladang juga perlulah mendirikan sesuatu yang bersifat dapat membantu masyarakat peladang ataupun pekebun-pekebun di dalam hal-hal perkilangan dan saya nampak Pertubuhan, Peladang adalah satu-satunya persatuan yang dikendalikan oleh pegawai-pegawai yang berwibawa di dalam hal-hal perladangan, maka sesuaiilah ianya ditubuhkan satu lagi peluang kepada masyarakat peladang atau masyarakat kampung iaitu kilang-kilang yang berkaitan dengan perladangan dan hendaklah didirikan di kampung-kampung kerana ini dapat mengubah lagi konsep Dasar Ekonomi Baru yang dilaung- laungkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, peladang dan petani adalah dua nama yang sama tetapi fungsinya agak berbeza. Oleh itu biarlah masyarakat petani diubah menjadi masyarakat peladang yang lebih luas dan lebih berwibawa di dalam menyumbangkan hasil mahsul kepada negara untuk menambahkan lagi pusingan wang di dalam negara sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, sejauh manakah kejayaan Kerajaan selama ini bagi melatih belia-belia ini ke arah peladang jaya. Setakat ini saya belum begitu jelas melihat kejayaan Kerajaan di dalam menerapkan belia-belia peladang menjadi peladng jaya. Cuma kalau ada pun ianya terdiri dari mereka yang telah mempunyai asas-asas yang kukuh dari datuk nenek atau orang tua mereka di dalam menjalankan atau di

dalam menjadikan belia peladang jaya. Yang demikian saya berkeyakinan peladang jaya akan dapat dilakukan oleh Pertubuhan Peladang dengan adanya pindaan Akta ini dan dapat mengadakan satu pembaharuan bagi melatih belia-belia kita menjadi peladang jaya dan dengan adanya Pertubuhan Peladang sebagai padan induk di dalam perkembangan peladangan di negara ini maka dengan sendirinya rakyat muda di negara ini ada tempat untuk mencapai cita-cita mereka menjadi peladang jaya di satu hari nanti.

Dengan ini, saya menyokong dengan sepenuhnya Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Pertubuhan Peladang 1973 diluluskan.

Timbalan Yang di-Pertua: Jemput Yang Berhormat Puan Hajjah Salbiah.

3.57 ptg.

Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bersama-sama untuk memberikan sedikit pandangan di atas Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Pertubuhan Peladang 1973. Sebagaimana yang kita tahu, pindaan ini sangat baik kerana bertujuan untuk memperluaskan dan membolehkan Pertubuhan-pertubuhan Peladang bergiat dan berusaha dalam perdagangan atau perniagaan yang lebih besar lagi.

Selain daripada kita memberikan galakan untuk kemajuan kepada Pertubuhan Peladang ini, yang paling penting sekali ialah mendidik pegawai-pegawai yang mentadbir, kerana kalau pandai pun kita mencari kewangan membuat sesuatu kemajuan dalam pertubuhan itu, tetapi kalau tiada kecekapan, maka pada mulanya maju selepas daripada itu hasilnya merosot sekali. Dengan demikian bantuan yang disalurkan oleh Kerajaan kepada Pertubuhan Peladang itu rugi begitu sahaja.

Ini pada pandangan saya, sebab ada beberapa pertubuhan peladang yang telah berjaya untuk memajukan pertubuhan peladang sesuatu tempat itu tetapi oleh kerana kurang pengalaman ataupun kurang diambil perhatian. kepada pertubuhan-pertubuhan ini, macam saya katakan tadi, mulanya maju, selepas daripada itu merosot dan terus hilang begitu sahaja, sia-sia. Kalau umpamanya diberikan pertolongan membeli satu-satu alat kepada pertubuhan ini untuk membantu mereka dengan kurang jagaan, dengan kurang pengalaman, maka barang-barang yang diberikan itu rosak begitu sahaja. Ini juga patut kita ambil kira kerana kurang pengalaman. Dengan adanya Akta ini saya rasa perkara-perkara ini tidak akan berbangkit lagi pada masa akan datang.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, apabila pertubuhan-pertubuhan peladang ini telah maju bukanlah satu kelompok manusia yang kecil bilangannya, bukan begitu, dia ini adalah satu kumpulan yang besar ahli-ahlinya. Maka dengan kerja-kerja yang sedemikian rupa mereka dapat keuntungan, sebelum lagi dia menerima keuntungan itu, maka Kerajaan telah mengambil cukai-cukai daripada pendapatan ini. Maka dengan ini tidak dapat mereka meningkatkan dirinya walaupun dia dapat banyak tetapi potongan cukai banyak. Maka ini juga patut diambil kira supaya cukai-cukai ini kita hadkan berapa banyak yang patut, berapa banyak unit atau ahli baru kita potong, di situ kita dapat membantu mereka. Kalau kita tidak kira berapa ahlinya tetapi kita kira pendapatannya dengan potongan yang macam itu, maka yang dapat kepada mereka sedikit. Jadi tidak ada dia meningkatkan pendapatannya. Maka perkara-perkara yang macam ini patutlah diambil perhatian oleh pihak Kementerian.

Apabila kita telah membuat sedemikian mungkin kita kurang memberikan pertolongan kerana dia telah boleh berdiri dengan tegap di atas pertubuhan peladang itu. Jadi, itulah yang ingin saya per-katakan kerana ada yang menyatakan bahawasanya bila belum sempat lagi mereka mendapat keuntungan itu tetapi dengan potongan. cukai pendapatan, maka baru diberi kepada ahli-ahli, dengan ini tidak memadailah dengan penat lelahnya. Jadi, itulah yang ingin saya sampaikan.

Satu perkara lagi, sebagaimana yang dikatakan oleh rakan saya tadi, belia-belie. Belia-belie ini di kampung-kampung banyak. Ini juga patut diberikan galakan kepada pertubuhan belia dalam kawasan itu supaya dia mengambil belia-belie yang menganggur ini untuk bekerja. Sekarang kita kata tanah rang banyak, tanah rang ini kita bincang tetapi tidak ada satu inistatif untuk membangunkan tanah rang ini. Orang ada, pertubuhan-pertubuhan ke arah itu ada, peladanglah, petanilah, tetapi untuk tidak merangkan tanah itu tidak ada. Orang ada, orang banyak yang menganggur. Kita selalu memper-katakan banyak penganggur, tanah rang ada, pertubuhan-pertubuhan. peladang, petani semua ada, penternak semua ada, tetapi ke arah itu kita tidak menyalurkan, tidak memberi satu tekanan kepada per-tubuhad-pertubuhaa ini supaya bergetak ke arah ini. Maka apabila mereka dapat masuk ke dalam pertubuhan-pertubuhan peladang, kadang-kadang ada pertubuhan peladang di kampung-kampung ada yang tak tahu pun, dia tak kisah itu semua. Jadi mungkin tidak ada pegawai penerangan. Kalau ada pun tidak begitu berfungsi, maka tidak ada usaha ke arah ini untuk memanggil atau memberi pengetahuan kepada mereka, maka dengan begitu sahaja.

Bila kita pergi ke kampung-kampung nampaklah, ini rumah pertubuhan peladang, adalah kerja jualan barang-barang untuk petani, menjual baja, atau setengahnya mendapat dengan harga yang murah. Dia jadi ahli pertubuhan. peladang dia beli baja yang murah dekat pertubuhan peladang, dia jual kepada yang lain, macam itulah caranya. Jadi, bukan dia beli baja itu untuk hendak metnbaja pokok dia sebab tidak ada satu perhatian berat ataupun tidak apalah, inilah yang selalu melemahkan. Maka dengan adanya Akta ini, dengan adanya galakan-galakan kepada pertubuhan-pertubuhan peladang ini supaya kita dapat memberi mereka bekerja dan juga mengerjakan tanah-tanah rang dalam kawasan-kawasan pertubuhan peladang itu. Kalau di daerah itu ada tanah rang, cari orang dia bekerja untuk menghidupkan, maka dengan ini akan menambahkan pendapatan kepada pertubuhan peladang itu sendiri.

Jadi saya rasa saya tidak akan bercakap panjang dan menyentuh perkara-perkara yang lain kerana saya rasa itu yang mustahak. Kita hendaklah mencari jalan supaya banyak orang, banyak penganggur-penganggur, belia-belia melibatkan diri kepada pertubuhan peladang ini supaya dapat memajukan lagi kerana kalau kita baca Akta ini akan memberi kejayaan, tetapi kalau tak ada orang, kita boleh ubah Akta, Akta tetap Akta, kemajuannya kita tak nampak.

Jadi dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang yang telah disebutkan tadi. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Tuan Haji Shaharom.

4,07 ptg.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk sama-sama mengambil bahagian daiam membahaskan satu Akta untuk meminda Akta Pertubuhan Peladang 1973 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian pada petang semaiam.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam satu perbahasan. tahun yang lalu di dalam membahaskan Selanjawan Negara 1988 saya ada menyentuh panjang di dalam hal Kementerian Pertanian, termasuklah di dalamnya pertubuhan peladang. Sebagai orang kampung, orang kampung hanya tahu bahawa pertubuhan peladang ini ialah dengan adanya beberapa kumpulan atau kalau dia nampak ada Iori yang mengangkat kelapa sawit, benih kelapa sawit ada tulis 'LPP' di tepi dindingnya itulah pertubuhan peladang. Kemudian kalau ada kegiatan lain ialah di-hebohkan di kampung siapa menjadi ahli pertubuhan peladang, dia akan dapat baja separuh harga dan setahun sekali akan. ada mesyuarat tetapi dividen tak ada. Kemudian memilih . Lembaga- Pengarah LPP Kawasan. Oleh kerana orang kampung yang tak tahu perkembangan pertubuhan peladang ini pilihlah siapa yang pandai bercakap, siapa yang pakai bush jacket dia pun menang sebagai Lembaga Pengarah Pertubuhan Peladang sedangkan orang itu tidak pun pernah memegang cangkul dan parang panjang. Jadi, ini sepatutnya kita betulkan.

Allahyarham Tun Abdul Razak sewaktu melancarkan LPP pertubuhan, peladang semasa hayatnya ialah mengingini supaya di dalam negara kita ini akan wujud satu kelompok petani-petani atau yang di dalam Akta kita ini disebutkan 'peladang'. Ini sudah saya bangkitkan, kalau petani itu petanilah, kalau ladang ini orang kampung kata ladang ini estet.

Jadi, yang punya ladang ini ialah manager estet, manager ladang, orang kampung - petani. Jadi, masih kekal perkataan "peladang" ini. Sebab itu orang kampung tidak begitu memberikan sambutan yang ghairah terhadap Lembaga Pertubuhan Peladang ini sebenarnya. Keghairahan yang ada di Lembaga Pertubuhan Peladang ini kerana petugas-petugas di LPP ini masih menerima habuan bulanan. Kalau dia tidak buat kerja, lembaga ini atau agensi ini akan ditutup macara Majuternak dahulu, tidak berfungsi. Ini dia Tuan Yang di-Pertua,

Jadi, kita kena fikirkan ini dahulu supaya natijah, maksud Allahyarham Tun Abdul Razak pada masa itu mewujudkan Pertubuhan Peladang ini benar-benar sampai kepada grassroot, ertinya sampai kepada ke bawah, sampai kepada petani-petani supaya menjadikan kelompok petani, kata perkataan sekarang ini, produktivitinya berganda, kalau ikut bahawa sekarang ini, petani yang saintifik, tidak payah pakai cangkul lagi, pakai mesin.

Kalau hendak petik kelapa tidak payah pakai galak, hendak pakai apa pula? Apabila sudah petik kelapa, kelapa tidak laku, melambak-lambak kelapa di Senggaram, di Benut, di Pontian, di Rengit, di Sungai Pingan, di Sungai Gulang-gulang, di Tanjung Karang, Lembaga Pertubuhan Peladang tidak dapat memainkan peranan di situ. Tetapi Alhamdulillah, sekarang kelapa sudah naik harga sejak adanya kempen minum air kelapa muda yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian, kerana adanya kelapa muda itu dipetik maka kelapa yang tua itu naik harga, Bagus, saya menyokong, sebab itu di dalam Dewan ini juga saya kata saya menyokong kempen minum air kelapa muda, sekalipun minum air kelapa muda, kalau banyak, setengah orang kata akan menaikkan syahwat, tetapi pada saya melemahkan syahwat.

Orang lelaki kena jaga, jangan minum air kelapa muda banyak-banyak. Kalau hendak minum ada campurannya, jangan minum air kelapanya sahaja dengan isinya sekali. Campur - gula kabong, dibancuh elok-elok, baca Bismillah, baca selawat, baru boleh menaikkan tenaga. Kalau minum air kelapa muda sahaja, terutama air kelapa yang sudah berjemur di tepi jalan atau di, pantai Morib 1 minggu, atau 2 minggu - ia akan mencuka di dalamnya dan melemahkan lutut. Cukup setakat itu dulu.

Sekarang ini Kementerian Pertanian nampaknya dalam 3, 4 bulan ini sejak kita adakan kempen semarak, semarak, semarak, ini kempen pertanian kurang. Kalau dahulu kita ada kempen kelapa muda, minum susu segar, makan ulam-ulam kemudian yamyuh itu semua nampaknya, sejak adanya kempen semarak yang bertumpu kepada menyemarakkan semangat orang ramai supaya, memberi sokongan kepada Kerajaan, pemimpin rapat ke-bawah, pemimpin pergi ke kampung, Perdana Menteri sengseng seluar pergi ke sawah tetapi dia pakai boot tinggi sampai ke lutut, tidak kena gigit lintah. Sepatutnya dalam kempen semarak, tetapi Perdana Menteri kita jangan diberi boot yang sampai ke lutut, biarkan dia merasa macam mana pedihnya digigit lintah itu supaya dia tahu bagaimana deritanya peladang. Tetapi namun demikian, Perdana Menteri kita sangat arif mengenai dengan penderitaan petani-petani sama ada di sawah ataupun di kebun-kebun, penoreh getah, memetik kelapa sawit dan sebagainya.

Apabila kita menyebut mengenai peladang ada hubungannya dengan tanah, petani ada hubungannya dengan tanah. Di dalam Dewan yang mulia ini juga Tuan Yang di-Pertua, telah disebut beberapa kali,

berpuluh ribu hektar tanah terbiar, tanah terbiar, tanah terbiar. Kita pun minta Kerajaan mencari jalan macam mana hendak menjadikan tanah yang terbiar ini, tanah yang menghijau subur,

Kemudian tidak cukup dengan tenaga belia di kampung-kampung, kita galakkan siswazah-siswazah kita, terutama yang lulus dari UPM itu supaya turun menjadi petani-petani moden yang telah dibekalkan dengan ilmu pengetahuan. Namun jawapan yang kita dapat hanya baru beberapa puluh orang sahaja, kejayaannya belum tahu lagi. Mereka baru menceburkan diri dan beberapa puluh orang baru diberikan kursus untuk menjadi petani-petani yang moden, Daripada tanah, Tuan Yang di-Pertua, kepada tenaga pemajunya, daripada situ akan mengeluarkan hasil, dari hasil akan ada pengangkutan, dari pengangkutan akan ada kilang, dari kilang akan ada pemerosesan, daripada pemerosesan akan ada pengeksportnya.

Sepatutnya semuanya ini dari tenaga petani-petani dan peladang-peladang itu sendiri. Tetapi setelah sekian belas tahun, setiap tahun diadakan satu hari pesta untuk petani-petani, peladang-peladang diberi hadiah, wang tunai, diberikan surat-surat pujian, diadakan sanjungan. Ini memang petani-petani ataupun peladang-peladang yang gigih. Di samping kegigihan mereka dan keluarga mereka sebagai petani, mereka mendapat bantuan sama ada daripada Jabatan Pertanian atau dari Lembaga Pertubuhan Peladang atau dari agensi-agensi yang lain, mereka terus maju. Tetapi ini hanya melahirkan 1, 2 orang. Peladang jaya lelaki, peladang jaya wanita setiap tahun. Macam jugalah kita dapat menganugerahkan ibu mithali tiap-tiap tahun.

Tuan Yang di-Pertua, yang menjadi pertanyaan kepada saya, kalau Akta ini ditubuhkan tahun 1973 dan kalau hasrat Allahyarham Tun Abdul Razak ini, 20 tahun lalu, ertinya kalau ada anak-anak yang mendengar pada masa itu berumur 17 tahun, sekarang mereka sudah berumur 37 tahun atau 40 tahun. Sepatutnya mereka ini telah dapat menerima nikmat daripada tertubuhnya pertubuhan peladang ini Apabila kita pergi ke kampung-kampung sekarang ini tadi Yang Berhormat Hajjah Salbiah menyatakan banyak tenaga belia di kampung - tetapi apabila saya balik kampung, sebenarnya, di kampung tidak ada tenaga belia, di kampung lengang. Kalau ada belia di kampung itu ialah anak-anak yang sedang menunggu keputusan SPM, STP. Belia-belie yang sedang menunggu keputusan peperiksaan. Jadi, belia yang berumur 25 tahun yang telah mempunyai kelulusan SPM, STP sebenarnya mereka telah berhijrah mencari pekerjaan di bandar-bandar, menuju dan mengerumuni bandaraya Kuala Lumpur.

Kalau di Johor sana mengerumuni kotaraya Singapura untuk mencari kerja. Ini kerana mereka sendiri tidak mempunyai keyakinan, kalau tinggal di kampung mereka tidak akan dapat seperti rakan-rakannya yang berhijrah ke bandar dan ini tidak dapat kita sekat walau dengan apa Akta sekali pun. Kalaulah ada Akta menyekat belia kampung tidak boleh ke bandar, tidak jadi, kalau ada pun Akta itu. Mau Tze Tung cuba buat Akta macam itu dalam revolusi merahnya, tetapi tidak jadi. Hari ini tukar ajaran Mau Tze Tung itu kepada satu cara perkembangan yang lebih baru.

Jadi, kita tidak boleh buat begitu, tetapi dengan pertubuhan peladang inilah, Allahyarham Tun Abdul Razak dulu berkeyakinan dapat

merobah keadaan masyarakat di luar bandar kepada satu masyarakat, satu kelompok kaum tani yang maju yang akan dapat hasil daripada tanah kampung tradisi itu. Sekarang kampung tradisi menjadi tanah terbiar, kalau ada pun hanya dijengok di waktu musim durian, musim langsung, musim pulasan, musim duku, habis musim pulanglah dia - kampung lengang semula. Keadaan ini adalah hakikat yang ada di hadapan kita.

Rancangan pembukaan sawah di Endau-Rompin tergendala, tanah sawah di Sarang Buaya, di Muar, di Semarah, menjadi ladang satu jenis pokok, satu jenis rumpai yang tidak boleh hendak dibunuh, yang hanya boleh dipotong, dijadikan tali mengikat bahan-bahan jualan - purun. Kalau kita pergi ke sebelah negeri Pahang, minta maaf lah orang Pahang, orang Kelantan, Terengganu saya pergi tengok banyak tanah-tanah yang cantik-cantik terbiar. Sedangkan kita tahu Allah berfirman dalam Al-Quran yang bermaksud: Bahawa tanah ini Ku wariskan kepada hamba-hambaku yang baik-baik yang tahu menggunakan manfaat tanah.

Dalam al-Quran, kalau tidak salah, Tuan Yang di-Pertua, saya pernah cakapkan dalam Dewan ini, ada 200 ayat mengenai pertanian sahaja, dalam al-Quran ada 200 potongan ayat mengenai dengan tanah dan pertanian. Syabas kepada Kerajaan saya ucapkan kerana adanya kesedaran untuk memperkuat lagi Pertubuhan Peladang ini, satu daripada caranya untuk memanfaatkan tanah itu. Tetapi bagaimana kita hendak menerapkan kegiatan memajukan tanah ini kepada generasi tani baru.

Kita bangga dengan rancangan FELDA, kalau peneroka FELDA hari ini dengan naiknya harga kelapa sawit, mereka hidup agak baik daripada beberapa bulan waktu yang lampau, waktu harga jatuh tetapi bagaimana dengan generasi kedua di FELDA. bagaimana dengan generasi kedua di FELCRA, bagaimana dengan keadaan tanah-tanah pusaka yang terbiar? Kerajaan sedia mempunyai jawapan, saya tahu. Kerajaan sedia mempunyai jawapan, Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian sedia mempunyai jawapan dan hujah-hujah, saya sedar ini. Tetapi bagaimana hendak menjadikan, hendak menyuburkan, hendak memakmurkan tanah yang terbiar itu?

Saya pernah cakap dalam Dewan ini, kalau kita masih membawa masuk \$447 juta jagung sahaja, apakah tanah terbiar dalam negara kita ini tidak boleh ditanam dengan jagung? Kita sudah ada, kita puji kepada MARDI, daripada jagung yang tawar kepada jagung manis, daripada jagung yang rongak kepada jagung yang padat, daripada jagung yang besar kelingking menjadi besar lengan, MARDI sudah buat itu. Ucapan terima kasih kepada MARDI, tetapi kenapa jagung yang dijadikan oleh MARDI itu tidak sampai kepada tanah terbiar? Kerajaan sedia mempunyai jawapan, nanti Yang Berhormat Timbalan Menteri akan

jawab "Oh, tanah kita tidak sesuai dengan jagung itu, tanah kita hanya sesuai dengan jagung yang diratah-ratah waktu hujan gerimis, tanah kita sesuai dengan jagung yang dibakar, disiram dengan majerin untuk duduk berdua-duaan di Pusat Dayabumi, untuk ditanam dengan jagung untuk menjadi bekalan makanan haiwan yang begitu banyak tidak sesuai". Jawapan itu akan keluar nanti, kalau tidak keluar kerana saya sudah keluarkan dahulu, dia akan jawab begitu.

Tuan Yang di-Pertua, apabila banjir di Kelantan dan Terengganu, sayur naik tiga kali ganda. Saya mendengar sendiri di radio mengatakan bahawa 60% sayur yang ada di pasar Kota Bharu, Kelantan dan di kedai Terengganu itu 60% daripada Thailand. Apakah tanah terbiar, sebab kita ini tidak mampu, semalam jawapan dalam Soal Jawab, "tanah kita ini tidak subur dengan sayur-sayur itu". Tetapi kita kempen suruh orang taham asparagus. Ini 'asparagus' saya pun tidak tahu entah apa bendanya, entah apa-apa "asparagus" saya pun tidak tahu. Umur saya sudah 52 tahun, tidak pernah sekalipun menggigit asparagus - sihat. Jadi, apabila ditengok asparagus ini, kalau tengok dari jauh macam pucuk ru, macam pokok ru sahaja. Takkan orang kampung hendak tanam asparagus, hendak makan asparagus. Orang kampung lebih suka beli kobis sekalipun kesihatan kata kobis itu tidak mengandungi zat tetapi kita tidak sekat kobis masuk ke dalam negeri kita, kita masih import kobis berjuta-juta daripada luar negeri. Apakah negeri kita, tanah kita ini tidak subur? Kalau tidak subur, tanah kurang baja, tidak subur dengan baja jenis 'A', taruh baja jenis 'B', tidak sesuai baja jenis 'B', kahwinkan baja 'A' dengan 'B' campur dengan 'C' [Ketawa], macam 'yamyuh'.

Jadi, kalau di negeri Jepun katanya orang boleh tanam sayur dalam bilik cermin, bilik kaca, orang boleh tanam sayur dalam tanah yang hanya berukuran 3-4 ela boleh cukup, tetapi kita tanah terbiar melaut-laut, tanah terbiar luas melaut-laut, kalau dikumpulkan saujana mata memandang, tanah terbiar hanya penuh dengan pokok senduduk dan, pokok laban. Satu masa nanti kita, terpaksa mengadakan kempen anti tikus, kempen anti biawak - tengoklah nanti, kempen anti ular sawa kerana di situ tempat haiwan ini membiak.

Tuan Yang di-pertua, LPP atau Pertubuhan Peladang ini untuk rakyat luar bandar, untuk orang kampung. Orang kampung, orang luar bandar, orang kampung tradisional atau di kampung-kampung yang baru diwujudkan seperti FELDA dan FELCRA boleh dikatakan banyak, setiap minggu ada ceramah, Pertanian ada, RISDA ada, LPP ada, Penerangan ada, Kesihatan ada, Perancang - bukan Perancang Beranak - Perancang kependudukan pun datang kemben. Nanti yang anak-anak ada pula penyakit Rubella pun datang ke kampung, Kempen. Orang kampung tanya "Oh Rubella, Rubella, ini apa Rubella?" - pening kepala. Soalnya sekarang, tanah yang terbiar itu hendak dimakmurkan dapat hasil, dapat duit, pendapatan bertambah, macam mana hendak buat, itu sahaja. Masalah Rubella, tidak Rubella, 70 juta tetap jadi dalam 100 tahun,, habis cerita, ini dia. Tetapi sayur kita masih import.

Beras, kita tanya "kenapa beli beras luar?", "beras luar murah". Tanah kita', sawah itu sekarang :terbiar, tanah sawah hendak tanam lain tidak boleh pula, sebab Pejabat Tanah kata tanah ini khas untuk tanam padi sahaja, tanam lain tidak boleh. Kalau tidak boleh tanam padi, misalannya bumi itu sudah tidak mahu padi hidup di situ, segan dia hendak hidup, malu dia hendak hidup, tukar syarat - tanam kelapa sawit, habis cerita. Undang-undang di tangan kita, kelulusan

di tangan kita, mengapa dibiarkan - malu, terutama sekali malu antara orang Melayu dengan orang yang bukan Melayu, Saya terpaksa cakap ini "tengok orang Melayu, kasi tanah sana jadi lalang". Yang Berhormat Lau dia tahulah, dekat sangat dengan Muar, 15 batu sahaja dia mengangguk [Ketawa]. Cuba kasi sama dia, tengok, kalau tidak tegak kilang kelapa sawit di situ, tetapi tidak boleh, itu Malay Reserve, itu hak istimewa orang Melayu, Yang Berhormat Lau jangan marah itu. Hendak pajak barangkali, wallahualam, bolehkah atau tidak boleh, Tuan Yang di-Pertua,

Jadi, saya telah timbulkan bebarapa perkara tadi, di dalam organisasi Pertubuhan Peladang itu sendiri untuk menjadikan peladang-peladang yang lebih mendapat hasil, supaya peladang-peladang kita kata, saya dengar cerita kalau di Thailand sana, petani, peladang kecil yang ada dua ekar tanah, dia punya mempelam sampai ke Malaysia, durian dia sampai ke Malaysia, buah longan - kita selama ini tidak sebut 'longan' - buah mata kucing, buah longan sampai ke Malaysia. Apakah tanah kita tidak boleh buat begitu? Oh, apabila Jepun datang ke negeri Perak, buat agreeraent dengan negeri Perak hendak tanam manggis sampai 1,000 hektar, jadi pula itu. Yang selama ini kita katakan tidak bolehkah kita buat estet dusun sahaja, "Oh, tidak ekonomik", jawab dalam Dewan ini. Tidak ekonomik, tetapi apabila Jepun hendak bawa modal, boleh pula. Ini yang jadi masalahnya, jadi pening kita memikirkan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kalau duit kita yang beratus-ratus juta itu keluar negeri, sedangkan kita masih boleh mengusahakan, kalau kita tidak didik rakyat kita, anak-anak muda kita, dari sekarang, kita hendak tunggu bila. Alhamdulillah, hutang negara tinggal \$46,000 juta, baguslah. Insya Allah, dalam tempoh 8 tahun

kalau setiap tahun boleh bayar \$5,000 bilion, \$5,000 bilion, \$5,000 bilion, 9 tahun langcai, selesailah hutang kita, tidak ada hutang lagi, lepaslah kita daripada belunggu hutang. Tetapi sebagai negara katanya, selagi ada orang hendak beri pinjam, kita pinjam, tidak salah, biar papa asal bergaya, Kalau itu sikapnya, barangkali hutang ini tidak akan habis.

Tuan Yang di-Pertua, saya menitikberatkan ini. Petani-petani menjadi cengkaman kepada orang tengah, ini mesti Pertubuhan Peladang-menyelasaikan. Nanti Yang Berhormat Timbalan Menteri akan jawab "Penyakit orang tengah ini penyakit tertua dalam dunia, tidak boleh hendak ubat, seperti pelacur, pengemis, rasuah". Orang tengah ini selagi ada orang jual-beli, adalah orang tengah, tidak boleh hendak ubah, tetapi macam mana kita hendak melepaskan petani-petani kita ini daripada orang tengah.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini petani-petani kecil, peladang-peladang kecil di kampung dia menjual sebiji durian dengan harga borong 50 sen hingga 801 sebiji, orang Kelantan kata 'sebutir', paling besar 31, tetapi apabila sampai kepada orang tengah di tepi jalan, tengok sepanjang jalan daripada Air Hitam, Batu Pahat, Bagan, Semerah, Lubok, Kesang, Sungai Rambai sampai ke Melaka 34 satu kilogram. Isi tidak tahu baik atau tidak baik- tidak tahu, hendak beli, beli, tidak hendak beli - sudah.

Kalau dahulu kita boleh beli durian satu kepala (satu longgok) tiga biji kecil, satu biji yang besar, orang Kelantan tidak mahu sebut biji, 3 butir hak kecil, satu butir hak besar \$3.50 - sekarang \$12,00. Sudah itu kita pergi pula ke Kuala Lumpur berlawan pula dengan durian yang datang daripada negara jiran. Kita kata durian daripada negara jiran tidak bau, tetapi tebal isi, buka-buka tidak ada biji, tidak ada butir (tidak ada biji), hak durian kita penuh dengan biji sahaja 'durian selak punggung' kata orang. 'Durian selak punggung' buka kerap nampak biji, itu yang dikatakan 'durian selak punggung'. Tidak adakah cara untuk menjadikan 'durian selak punggung' ini menjadi 'durian yang tutup punggung,' itu maksud saya. Ini kemajuan pertanian ada baja campur-campur, boleh jadi durian saka yang boleh mengeluarkan buah yang baik. Ini sudah dibuat oleh dua orang anak muda di Parit Pinang Seribu, Muar, dua orang anak muda sudah buat projek ini, daripada pokok durian yang tidak berbuah jadi berbuah, pokok durian yang tahun ini berbuah mewarnakan putih, musim tahun depan dia akan jadi kuning, dan dia menjual sebatang

benih baka yang di projek itu S45.

Di Tanjong Sepat tempat saya duduk, di Kuala Langat durian pino yang paling hebat nombor satu, paling besar, paling baik satu biji \$25 dan benihnya setiap sebatang \$15. Ini dibuat oleh kaum China, di Tanjong Sepat. Ini semua tidak masuk dalam daftar buku pertanian. Ini yang diusahakan oleh petani-petani kecil'.

Kementerian Pertanian melalui Pertubuhan. Peladangnya menyorot, meneropong, teropong oh! di Parit Pinang Seribu ada dua orang anak muda yang boleh membuat macam ini, betulkah atau tidak betul. Kalau betul, diambil dia itu masukkan di dalam projek Pertubuhan Peladang supaya semua pokok durian akan mengeluarkan buah yang baik. Kalau 96,000 hektar tanah terbiar, kalau satu hektar memerlukan 120 biji benih kelapa sawit berapa juta benih kelapa sawit perlu disediakan? Pertubuhan Peladang mesti mengambil peranan ini. Sekarang benih kelapa sawit yang sudah siap dalam kantung plastik warna hitam \$5, sama ada dijamin oleh Harrisor atau Guthrie atau tidak \$5. Jadi kalau untung bersih satu batang benih kelapa sawit \$2, berapa juta? Ini Pertubuhan Peladang patut mengambil peranan.

Akta ini dipinda membolehkan Pertubuhan Peladang meluaskan lagi kegiatannya, saya tidak tahu hendak baca tulisan undang-undang, ini tulisan undang-undang susah, maknanya dibolehkah Pertubuhan. Peladang ini meluaskan kegiatannya di pasaran, berniaga ke kilang itu atau ini dengan kelulusan Pendaftar Syarikat, buat sahajalah. Tanah-tanah yang terbiar ambil oleh Persatuan Peladang dengan persetujuan tuan punya, ayuh bersama-sama bangunkan berjuta-juta, beratus juta yang di pamah, yang ada air boleh tanam kelapa sawit - tanam kelapa

sawit, yang tinggi sedikit boleh tanam jagung - tanam jagung, yang tinggi lagi sejuk tanam sayur - tanam sayur, yang berbukit-bukit tanam buah - tanam buah, yang ada bukit, yang ada bijih batunya, ada bijih besinya, ada bijih emasnya keluarkan dia punya MCnya kepada peladang.

Tuan Yang di-Pertua, saya tahu beberapa tempat sekarang ini di kampung rahmat Allah s.w.t timbul emas, timbul intan di dalam negara kita. Timbullah di kampung-kampung sekarang ini bomoh-bomoh tukang sedut, malam-malam bawa tikar, bawa strika yang ada kepala ayam juga pergi menyedut di situ, menyedut emas, harta Qarun katanya. Yang sebenarnya memang benda itu ada dalam negara kita ini, dalam bami kita ini memang ada, baik di Terengganu, baik di Kelantan, baik di Pahang memang ada. Kalau orang lain boleh datang ke mari mendapat kelulusan mengorek tanah di situ, dia bawa balik berbuntil-buntill kononnya hendak dibawa ke kilang untuk dikimia, untuk dikaji, sudah tuakah, belum tuakah, intankah, berliankah, batu pejalkah, batu hancurkah, batu kapurkah, tetapi dia sudah bawa berbuntil-buntill. Kita heboh apabila di Rusila orang mendulang, di Mersing orang korek bawah akar, bawah pokok getah. Di Mersing di Batu 4, Batu 12 orang Selangor inipun banyak yang pergi ke sana mendulang malam-malam, di bawah pokok getah boleh dapat emas, ini rahmat Allah s.w.t. Jadi diluaskanlah peranan Persatuan Peladang ini tadi sehingga boleh dia mendapatkan MC, jangan semua hendak dikontrol oleh MMC sahaja, yang jaga lombong. MC semua - dia tidak buat apa-apa, dia hendak simpan sampai bila-bila, sebab ini khazanah negara. Kalau hari ini kita korek besok habis-tidak habis Allah s.w.t akan ganti. Nikmat

Allah s.w.t ini kita kena gunakan, habis Allah s.w.t ganti. Tetapi kalau kita tidak gunakan Allah s.w.t tidak ganti lagi, dia kata: Engkau tamak tidak mahu guna yang itu, Aku tidak tambah, tetapi kalau engkau tidak tamak engkau gunakan manfaatkan, Aku akan tambah, Ini ada ayat di dalam Al-Quran begitu.

Tuan Yang di-Pertua, kembali kita kepada madamat Pertubuhan., Peladang oleh Allahyarham Tun Haji Abdul Razak, saya ingat benar di Perhimpunan Agung UMNO, didesak oleh Perwakilan maka Allahyarham Tun Haji Abdul Razak melahirkan satu idea supaya petani-petani ini dikumpulkan dengan satu ikatan yang dikatakan Pertubuhan Peladang, untuk digiatkan, untuk 'diberi didikan, untuk diberi nasihat, untuk diberi bantuan kewangan, untuk diberi jentera dan sebagainya. Sayangnya, traktor yang dihantarkar dikatakan Pertubuhan. Peladang kawasan ini, traktor yang dihantar itu sama-ada traktor yang sudah second-handkah atau memang traktor wang sudah buruk dibelikan atau yang tukang bawa traktor itu yang tidak tahu bawa traktorkan sodok tiga kali langsung jam. Traktor itu jam, tidak bergerak lagi, tidak diangkat-angkatlah itu, Kempen sudah dibuat, tuan-tuan siapa yang hendak meratakan tanah, hendak mentraktor tanah kita ada traktor, tunggu giliran masing-masing, tunggu sampai 6 bulan traktor tidak sampai-sampai. Mesyuaratpun sampai tepuk meja, di mana traktor yang dijanjikan? Traktor rosak tersadai di Mukim Salak.

Kenapa berlaku? Malu, kita malu. Kita hendakkan rakyat menyahut seruan kita, tetapi apabila rakyat sudah hendak, kita tidak beri, marahlah dia. Ini rakyat minta cerai, dia tidak mahu bayar yuran LPP lagi, menyampah. Cakap tidak serupa bikin. Cakap ada

traktor, traktor tidak sampai, cagak ada baja, baja tidak sampai, cagak benih baik tanam 6 tahun kelapa sawit. Minta maaf. Ini berlaku kalau kita turun ke bawah, kalau kita turun ke kampung, jadilah perbualan di surau, jadilah perbualan di masjid, jadilah perbualan di tempat kenduri-kendara. Kalau kita melebelkan rakyat kita ini malas, tak kena, sudah ada macam-macam bantuan, ada macam-macam kempen, memang rakyat kita malas, tidak kena. Kalau ada orang yang berani cagak rakyat malas, akan kena tamparlah dia, rakyat tidak malas lagi sekarang ini. Rakyat menyahut seruan Kerajaan untuk cuba mengubah sikap. Allahyarham Tun Haji Abdul Razak kata berdikari. Saya terpaksa gunakan nama Allahyarham Tun Abdul Razak sebab beliau inilah yang mencipta Pertubuhan Peladang ini untuk dimasukkan ke seluruh pelusuk tanah air.

Tuan Yang di-Pertua, setelah sekian belas tahun seperti mana saya katakan tadi dan Akta ini dipinda kena pada masanya, tadi Yang Berhormat daripada Perlis menyebutkan duit-duit, saya tidak tahu duit, tidak tahu duit, tetapi saya tahu bahawa Dasar Pertubuhan Peladang ini, cuba tengok, semasa Menteri Pertanian, dipegang oleh orang yang telah bersara rakyat aisuruh tanam sayur, tanam sayur, tanam sayur, tanam sayur benih diberi, baja diberi sayur melambak sampai petang sayur layu. LPP melalui agensi ini akan adakan peti-peti sejuk di tiap-tiap mukim, peti sejuk untuk menyimpan sayur. Kesudahannya peti sejuk itu sekarang untuk apa. Ini saya ingin tahu. Orang telah lupa masalah peti sejuk hendak menyimpan sayur sebab sudah tidak tanam sayur lagi. Jadi peti sejuk itu sudah tidak ada fungsi, berapa juta duit negara yang menjadi korban hangus begitu sahaja. Kalau masih ada peti sejuk yang berfungsi, saya hendak tahu di mana.

Saya berjalan seluruh negara, setiap kali hendak bersidang saya berjalan. Kalau budak-budak kata membuat homework, saya membuat roadwork. Saya berjalan daripada hujung ke hujung, saya hendak mencari bahan yang saya hendak cakapkan. Saya hendak pastikan benar-benar, saya tengok keadaan ini dan sekarang tidak timbul lagi mengatakan orang ramai menyalahgunakan pemberian Kerajaan, tidak boleh. Memang masih ada segelintir yang diberi baja, baja dijual, yang diberi alat pengepam racun rumpai, pamnya itu dijual, memang masih ada. Ini ialah daripada petani-petani kecil kita yang kaki judi. Dia buat modal berjudi. Ya, masih berlaku ini, dia telah

menjadi tahi judi, tahi mahjung, baja yang ada dua kampil, jual \$8 sekampil \$7 sekampil, dapat \$15 dia boleh main dua hari dua malam. Ini kita kena sedar dan bagaimana kita hendak mengatasi masalah ini. Kalau dia itu menjadi ahli Pertubuhan Peladang, kita tidak boleh pecat dia kerana judi, kerana dalam Akta Pertubuhan Peladang, seseorang ahli yang kegiatannya berjudi dengan sendirinya tergugurlah keahliannya, tidak ada mengatakan begitu. Sebab siapa sahaja petani boleh menjadi ahli dengan bayar yuran di kawasan masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak giatkan pertubuhan peladang ini di seluruh negara untuk petani-petani sama ada petani tua atau petani generasi baru yang sekarang ini sedang subur, anak-anak muda kita. Kalau Cawangan UMNO di seluruh negara ada 8,600 cawangan, katakanlah yang 2,600 itu cawangan di bandar, yang 6,000 cawangan itu ialah di kampung-kampung. Memang saya tahu nanti Yang Berhormat Menteri kata, orang itulah, orang UMNO itulah orang LPP, orang LPP itulah orang UMNO, sebab itu yang pakai bush jacket yang menang dalam Mesyuarat Agung Pengarah Pertubuhan Peladang kawasan, sekali pun dia tidak pegang cangkul, sekali pun dia tidak pernah mendapat title sebagai petani. Ini kita kena betulkan. Sebab dalam pertubuhan politik kita sahaja ada seksi-seksi, di situ kita serahkan. Kalau dalam sesebuah negara melalui petaninya disalurkan fahaman politik, melalui gerakah tani, gerakan kaum tani, kalau di Indonesia itu ada 'Partindo'. Di Malaya ini dahulu sebelum merdeka, sebelum UMNO pun ada, Angkatan Kaum Tani yang dipimpin oleh Ibrahim Yaakob, itu dia, di situ kesedaran politik itu sudah ada mengenai hendak memajukan kaum tani dan setelah kita merdeka tiga puluh satu tahun, macam mana kita hendak menghidupkan petani-petani

ini supaya menjadi satu kelompok rakyat kita yang hidupnya memberi hidup anak isterinya, menghidupkan keluarganya berdiri di atas rezeki yang didapati dari hasil pertanian,

Baru-baru ini saya dengar MARDI sudah buah benih koko jenis baru, tidak payah lagi pakai biji yang baik. PORIM sudah buat benih kelapa sawit, tidak payah melalui biji benih, melalui akar dan daun, aan kita telah dibawa melawat ke situ. Ini semua tanda-tanda kemajuan, tetapi apabila kita keluar, apabila kita makan angin kita tengok jenis-jenis hasil-hasil pertanian ini bahawa kita tidak gembira, padahal di setengah-setengah tempat misalannya sudah boleh ditanam buah-buahan yang menggemirakan. Kalau selama ini kita tengok jambu batu yang ada dijual dikatakan daripada Thailand, sekarang bahawa bumi kita boleh tanam jambu batu yang sebesar lutut hasilnya. Ha, itu. jambu batu. Tetapi orang Melayu tidak yakin, boleh hidupkah dengan tanam jambu batu? Ini orang Melayu tidak yakin. Kaum Melayu, petani Melayu tidak yakin dengan berladang atau bertani jambu batu boleh menjadi petani yang senang, petani yang lebih daripada cukup makan. Petani Melayu tidak yakin, macam mana Kerajaan, macam mana Kementerian Pertanian, macam mana Lembaga Pertubuhan Peladang ini mahu meyakinkan petani-petani Melayu supaya bertanam jambu batu bahawa menjadi petani yang bertanam jambu batu itu boleh senang, boleh beli Proton Saga.

Belimbing macam itu juga, tidak yakin orang Melayu. Eh! tanam belimbing boleh senang hendak lawan gaji Cikgu, mana boleh, tidak yakin. Macam mana kita hendak meyakinkan supaya petani Melayu ini boleh bertanam belimbing menjadi taukeh belimbing. Tempat saya ada orang cuba buat, tiga ekar tanam belimbing, empat tahun tidak

berbuah, makin kontot, makin kontot, di Sungai Buaya nama tempat itu, Kampung Sungai Buaya, Mukim Bandar saya pergi tengok. Dia kata apa salahnya ustaz, dia tanya. Di kampung orang panggil saya ustaz. Apa salahnya, tanah ini tanah liat juga. Apa salahnya baja, baja yang diimport juga, apa salahnya benih, benih yang dikatakan dijamin tetapi mengapa masuk lima tahun tidak berbuah. Ranting dia itu kontot, bukan buahnya kemetot, rantingnya makin lama makin kontot, kontot, kontot langsung tidak mahu berkembang. Macam mana hendak meyakinkan kepada petani-petani di sana, tanamlah belimbing, kerana menjadi petani yang bertanam belimbing juga boleh senang, tidak mestinya makan gaji dengan Kerajaan sahaja. Ini, macam mana hendak meyakinkan ini. Sedangkan contohnya ada, di hadapan mata mereka, tidak yakin kalau bertanam belimbing boleh senang. Sedangkan kalau dia tanam kebun itu dengan tanaman kelapa sawit dia sudah menuai, kerana hendak cuba itu, hendak menyahut seruan Kerajaan itu, hendak mengurangkan buah-buahan daripada luar, tidak usahlah buah yang mahal-mahal, tidak usahlah buah yang kita gahkan, applenyakah, anggurnyakah, tidak usah. Ini buah yang kita makan hari-hari, yang dimakan oleh rakyat biasa, oleh rakyat kampung, macam mana kita hendak memajukan.

Kita toleh ke timur, ke Sabah, Sarawak, tanah yang menggunung, yang tanah berbukit menghijau, rancangan ini mesti diluaskan sampai ke Sabah dan Sarawak. Saya rasa Ketua Menteri Sabah, Ketua Menteri Sarawak tidak marah kalau kita menghantar petani-petani kita pergi ke sana, untuk sama-sama memugar tanah Sabah, Sarawak itu untuk menjadi satu ladang yang baik, ladang terkelompok. Saya percaya orang Iban, orang Kadazan, orang Penan - Tuan Yang di-Pertua pun

tidak marah - sungguhpun Tuan Yang di-Pertua dari Sarawak, tidak marah dia, datanglah. Bagaimana hendak meyakinkannya. Itu saya kata dalam soal jawab pertanyaan saya, suruh ternak ikan keli, ternak, besar lengan sudah ikan keli itu, enam ekor satu kilo, tidak besarkah?

Tuan Yang di-Pertua, enam ekor satu kilogram, besar ikan keli itu di sungai tidak sebesar itu sebab dia ini, 'ngap, ngap, ngap!', bukan 'ngap sayup' macam Sarawak bukan. 'Ngap' dia makan, makanan yang ditabur. Dan kolam itu pula dibubuh pelastik yang makanan itu tidak meresap kebumi, maknanya sentiasa itu habuan dia. Cepat besarnya. Tetapi sayangnya itulah dia, ini belia-belia kita lemah semangat, apabila ikan sudah besar, bawa ke pasar, ya, bukan tradisi orang kita makan ikan mentah. Macam mana hendak makan ikan mentah. Dan bukan tradisi orang Malaysia ini pula makan ikan keli tiap-tiap hari, macam mana hendak laku. Skim yang seperti ini perlu dikaji semula.

Kalau skim udang harimaukah, skim udang yang besar-besarkah itu memang dapat sambutan. Harganya pun baik, memang laku. Kemudian kita suruh belia kita, belia tani, belia niaga, belia berusaha, buka kedai di setiap simpang jalan.

Kita boleh tengok, Tuan Yang di-Pertua, daripada Kukup, Pontian, Johor sampai ke kuala Sungai Batu Pahat di Perlis, kita akan tengok di tiap kuala kampung, Kerajaan melalui projek pembangunan daerah dibangunkan kedai, kedai, kedai, kedai kecil, papan, zint atau atap asbestos untuk anak-anak muda belajar berniaga. Kalau ada kedai kopi, kedai runcit, kedai membaiki basikal, kedai gunting dan sebagainya, tetapi hari ini kita tengok boleh dikatakan 80% daripada projek ini semua tutup. Kita nampak di situ ada orang kerana kita nampak ada seluar tersidat, maknanya ada orang duduk di situ dan ada membasuh kain tersidai, jemuran kain, jemuran seluar, masih ada penghuninya. Lagi sekali saya mahu tanya kerana projek ini untuk anak-anak bumiputera, anak-anak Melayu, kenapa kegagalan di sini berlaku? Kerajaan sepatutnya mencari satu jalan, memikirkan.

Bangunan LPPK (Lembaga Pertubuhan Peladang Kawasan) ini, Tuan Yang di-Pertua, tersergam indah di mana-mana saya tengok - di Nilai, di Banting, di Rembau, tersergam indah bangunannya. Saya pernah dengar ucapan Yang Berhormat Datuk Seri Sanusi Junid, Menteri Pertanian menyatakan bahawa pekerja-pekerja atau kakitangan di Kementerian Pertanian termasuklah di Lembaga Pertubuhan Peladang itu, kerjanya tidak di pejabat, kerjanya di padang, maknanya di tanah. Saya cukup syok betul mendengar ucapannya, cukup seronok. Tetapi saya tidak nampak itu setelah setahun ucapannya itu berlalu.

Adakah itu hanya teori Yang Berhormat Datuk Seri Sanusi sahaja untuk hendak menyedapkan hati orang-orang yang macam saya ini

ataupun dia berpendapat bahawa teori itu boleh dilaksanakan?

Tuan Yang di-Pertua, di luar bandar, di setengah tempat memang benar infrastruktur belum sampai, sekalipun sudah 31 tahun kita merdeka. Kalau kita pergi ke Pahang, misalnya, minta maaf orang Pahang, saya berjalan di Kuala Lipis, saya berjalan ke daerah Jerantut, saya berjalan ke, daerah Maran, Temerloh, saya tengok banyak kampung-kampung yang belum mendapat infrastruktur, tiga sekawan - api, air dan jalan. Saya pergi ke daerah-daerah yang lain seperti ke Pontian, ke Sri Gading, ke Air Itam, ke Kulai, ke Semerah, ke Muar dan banyak lagi kampung-kampung yang belum mendapat infrastruktur, iaitu jalan, api dan air,Telefon tidak usah cakaplah, memang jauh. Ini jalan yang perlu serta bekalan air dan bekalan api.Begitu juga ke Perak, ke Kelantan, ke daerah Terengganu - saya minta maaf dari Yang Berhormat dari Kelantan dan Terengganu, jangan marah saya sebut. Bukan saya hendak kata negeri itu tidak maju - maju, tetapi-tidak serupa sebagaimana di kawasan-kawasan yang sudah ada kemudahan asas.

Jadi, macam mana semangat atau manifestasi Pertubuhan Peladang ini hendak sampai kepada rakyat di tempat itu. Rakyat yang menjadi ahli Pertubuhan Peladang Kawasan di satu kampung yang jauhnya 15 batu ke dalam, kalau dia hendak hadir mesyuarat agung, dia terpaksa pergi ke Besut, ke Jertih. Ini tidak munasabah sebab dia duduk di Hulu Besut. Jadi, macam mana hendak sampaikan manifestasi kita ke situ. Kalau musim banjir dia tenggelam. Kalau musim panas, dia tidak boleh hendak buat apa-apa.

Tuan Yang di-Pertua, jadi kita hendak tunjukkan satu model, satu kawasan, satu pilot projek. Kita selalu dengar kalau pegawai-pegawai pembangunan ini, dia kata pilot projek. Kadang-kadang orang

politik pun cakap kata hendak buat pilot projek. Bukit Canggang di Kuala Langat, akan dijadikan satu pilot projek, satellite town, bandar satelit, orang kampung pun kata, "Wah! buat satelit, besok ada mangkuk yang macam dekat Kuantan iaitu radar yang tangkap orang boxing dari Glasgow", itu fahaman orang kampung. Tapi, orang kampung di situ tengok mana dia bandar satelitnya kerana kapal korek yang ada di Selangor Dredging yang mengorek sudah sampai ke dapur dia.

Pergilah ke Bukit Canggang, kapal yang mengorek bijih di Selangor Dredging itu, penceduk building itu sudah sampai ke dapur-nya. Perkampungan di situ sudah mulai kering airnya. Ini saya tidak salahkan siapa-siapa, tapi macam mana kita hendak meneruskan manifestasi Pertubuhan Peladang ke kawasan itu, kerana di situ adalah tempat kaum tani yang padat dengan masih ada kopi, masih ada kelapa sawit, masih ada dusun buah-buahan, masih ada ternakan ikan air tawar. Di sebelah sana ada satu projek Kerajaan yang Kerajaan dapat sumber hasilnya terus mengorek bumi sehingga 180 kaki. Itu belum lagi timbul yang di Kuala Langat Mining, di Sungai Kelambu yang mana dia punya kapal atau fanthom yang terbesar di Asia boleh korek sampai 300 kaki. Apa akan jadi nanti 30 tahun akan datang. Macam mana manifestasi pertubuhan peladang mahu dapat mempertahankan rasa rakyat di situ untuk terus bertani, untuk terus menghayati pertubuhan peladang.

Jadi, di hadapan kita bermacam-macam ada. Kita mahu menjadikan masyarakat kita di luar bandar sama macam orang bandar supaya orang kampung tidak merasa kampung dan orang bandar tidak merasa bandar. Tidak akan ada lagi novel "Atap Genting", "Atap Rembia", kerana sekarang di kampung-kampungpun rancangan rumah murah ini sudah

merocoh macam cendawan tumbuh lepas hujan. "Atap Genting" sudah nampak di kampung walau di pendalaman pun. Tetapi soalnya sekarang ini bagaimana kita mempertahankan semangat bertani, semangat berladang dan bagaimana hendak menubahkan semangat bertani, semangat berladang kepada anak-anak.

Tuan Yang di-Pertua tidak usah tanya orang lain. Tuan Yang di-Pertua bertanya diri sendiri, kalau anak Tuan Yang di-Pertua ada 7 orang, berapa orang yang mahu bertani? Jawabnya tidak ada. Anak saya begitu juga. Anak Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan inipun begitu juga. Anak orang yang memegang kuasa dalam Pertubuhan Peladang pun kalau kita tanya, "berapa orang anak tuan yang mahu bertani?", jawabnya "tidak ada".

Jadi macam mana kita mahu menanamkan manifestasi ini kepada rakyat? Ini soalnya. Pengaruh dan budaya makan gaji itu sudah menusuk ke tulang sumsum dalam masyarakat kita dan hendak menukarkan budaya makan gaji ini kepada budaya bertani, bekerja sendiri bukan satu perkara yang senang. Ini memerlukan, kalau saya katakan satu revolusi yang hebat, satu revolusi bukan satu evolusi, satu gerakan yang menyeluruh sehingga orang yang berkata bahawa hidup bertani itu lumayan. dia mesti berhenti makan gaji dan dia bertani, tunjuk kepada orang kampung bahawa aku tanam sayur, aku berhenti, tinggalkan kerja makan gaji 31,500. Itu revolusi kepada satu orang tadi untuk menjadi method, menjadi contoh kepada orangramai.

Tenaga pekerja sekarang tidak ada, pergilah ke mana-mana ladang, tenaga pekerja tidak ada. Saya tidak luas kebun, ada 8 ekar sahaja, tanam kelapa sawit. Tidak ada anak muda yang hendak memetik kelapa sawit, tetapi orang luar yang berkerja di ladang dalam negara kita ini, saya tengok di satu ladang di Kemaman di bandar Muazzam, saya tengok pay-sheet, surat bayar gaji itu, \$1,400 sebulan upah memetik kelapa sawit. Itu anak muda kita tidak mahu mengambil peranan itu, dia pilih dalam kilang yang gajinya \$420 atau \$280 sebagai buruh biasa. Tetapi orang daripada Thailand yang hanya berkemah, tidak memerlukan bangsal, tak memerlukan apa-apa kemudahan, dia pasang kemah, diikat kemah di antara pokok kelapa sawit dengan pokok kelapa sawit. Apabila habis musim dia memetik kelapa sawit di situ, dia pergi ke Kedah/Perlis mengambil upah memotong padi. Orang lain kata negara kita ini syurga, anak kita kata dalam negara kita ini susah, menderita tak ada kerja, menganggur. Macam mana kita hendak ubah sikap ini.

Kalau dahulu pemimpin-pemimpin tahun enam-puluhan melancarkan satu projek yang dikatakan revolusi mental, tetapi revolusi mental ini hanyut dihembus bayu, berlalu begitu sahaja. Sayang, dua tiga orang tokoh politik memerah otak selama 6 bulan hendak melahirkan sebuah buku yang berjudul Revolusi Mental, hendak menyahut seruan Allahyarham Tun Abdul Razak pada masa itu sebagai Perdana Menteri, untuk mengubah sikap masyarakat, terutama masyarakat Melayu, Bumi-putera. Tetapi ideologi itu, cita-cita itu berlalu begitu sahaja. Dan termasuklah di dalamnya itu pertubuhan peladang, kita buka buku Revolusi Mental di situ diayatakan pertubuhan. peladang ada di dalamnya. Siapa yang ada simpan buku itu boleh buka untuk meyakinkan apa yang saya cakapkan.

Kenapakah ini berlaku, Tuan Yang di-Pertua? Jadi kita tidak boleh hendak salahkan sesiapa. Saya tidak hendak salahkan Menteri Pertanian tidak hendak salahkan Timbatan Menteri tidak hendak salahkan pegawai-pegawai, tidak hendak salahkan orang-orang politik yang ideolokhis-ideolokhis, kata orang Indonesia, bercita-cita tinggi hendak mengubah masyarakat tetapi tak sampai ke mana dan kita tidak boleh salahkan rakyat atau anak muda yang tidak boleh menerima saranan itu, tidak boleh hendak salahkan sesiapa. Tetapi kepada saya sebagai orang kampung, yang sekolahnya setakat Darjah Enam, jadi guru pelatih normal kelas tahun 1954, gaji 541.00 dapat duduk di Dewan Negara, yang dikatakan Dewan tertinggi dalam negara kita ini untuk menasihatkan Kerajaan bagi meluluskan undang-undang, pada saya kita semua yang terlibat ini mesti sanggup berkorban. Korban macam mana? Itulah tadi yang saya sudah huraikan begitu panjang.

Kalau seorang yang pakar dalam bidang pertanian dia mesti menerjunkskan diri dalam bidang pertanian seratus-peratus. Ini dalam

soal jawab dalam Dewan ini akan dikatakan itu tugas petani-petani tulen; ada petani separuh masa, ada petani sambilan. Kita yang mendefinisikan petani tulen, petani separuh masa, petani sambilan, petani upahan, petani orang tengah, petani kapitalis, petani pencengkam, macam-macam lagi ada, petani malas.

Kita yang membuat definisi itu. Jadi, kalau kita yang membuat definisi itu kita mesti tahu macam mana hendak menyelamatkan orang-orang yang kita kelas-kelaskan itu, yang mana kita sendiri mengkelas-kelaskan, tetapi orang kampung tidak mengkelas-kelaskan begitu. Yang mengkelas-kelaskan itu orang yang diberi tanggungjawab hendak menyelamatkan mereka. Ada petani tulen, ada petani separuh masa, ada petani sambilan, ada penyewa tanah, ada yang hanya pengambil upah, ada yang menjadi orang tengah dalam kalangan petani, ada yang menjadi kapitalis, tanahnya disewakan kepada petani-petani yang tak mempunyai tanah. Penanam-penanam padi dibantu dengan ada LPN, ada bantuan itu dan bantuan ini, ada subsidi harga lagi pun banyak yang menjadi korban, Mereka yang tak punya tanah menyewa sawah, menyewa bendang. Jadi di manakah kesalahannya?

Apabila harga padi bagus, padi bercendawan, kilang LPN tidak mampu, kilang swasta tidak mampu untuk mengilang, padi berlonggok-longgok, petani memekik. Kita mesti berkorban. Saya sedar bahawa kuota untuk membuat kilang memproses padi mengilang padi ini sudah ditentukan, sekian mukim, sekian kawasan.

Kita kena dalam masalah ini memikirkan nasib petani kalau kita hendak bincang pertubuhan peladang, membicarakan nasib petani kita mesti benar-benar memikirkan nasib petani. Tidak guna kalau Akta ini kita luluskan, Tuan Yang di-Pertua, untuk membolehkan pertubuhan peladang mengambil bahagian lebih luas dengan kelulusan Pendaftar

Syarikat, kalau kita tidak mengambil tujuan asal kita hendak menyelamatkan petani-petani yang tertindas. Sekarang harga kelapa baik, harga getah tinggi, harga kelapa sawit pun memuncak, harga koko pun mahal, rakyat tidak bising hari ini, kerana mereka lega. Ada dua tiga jenis bayaran-bayaran insurans dia boleh bayar, dia lega, penagih-penagih hutang tidak bertunggu di depan tangga. Dia merasa senang tetapi adakah keadaan harga komoditi utama dalam negara kita ini akan kekal? Kalau kekal kita syukur, kalau tidak kekal, 4 tahun harga menurun balik, apa akan jadi?

Kalau di dalam perkara-perkara yang lain, dalam bab-bab yang lain kita kata kita terpaksa mencari satu alternatif sehingga kepada perkara-perkara yang rohani sifatnya pun pemimpin kita mengatakan kita terpaksa mengadakan alternatif, di dalam bidang pertanian ini tidak ada alternatif. Satu pokok ditanam dia tidak boleh berbuah dalam tempoh 6 bulan, tebang rembia tanam duku, 7 tahun baru berbuah, tebang duku tanam getah, 7 tahun baru boleh ditoreh tebang getah tanam kelapa sawit 3 tahun baru keluar hasil, tebang kelapa sawit hendak tanam padi langsung tak jadi. Ini bukan alternatif. Macam mana kita hendak mengekalkan harga itu? Selagi kita masih hendak mewujudkan adanya kaum tani, kaum peladang di dalam negara kita ini.

Sebelum ada PNB kita tahu ladang-ladang itu dipunyai oleh orang luar negeri, Mat Salih. Setelah adanya PNB membeli saham-saham itu dan kaum bumiputera dapat membeli saham-saham itu melalui ASN, ini pun satu pengorbanan yang paling besar yang diciptakan oleh pemimpin-pemimpin Kerajaan, oleh petugas-petugas dalam Kerajaan. Di dalam penswastan atau Persyarikatan Malaysia yang selalu kami orang politik ini berdialog dengan PM. Apakah maksud penswastan itu PM?

Apakah maksud persyarikatan itu PM? Dia terangkan dari hati ke hati, tujuan maksudnya supaya jangan orang kita bertumpu hendak makan gaji dengan Kerajaan sahaja. Ini maksudnya yang paling senang untuk disampaikan. Jadi macam mana kalau masalah ini hendak di-swastakan, disyarikatkan projek yang besar-besar, yang kecil-kecil, sedangkan kita hendak menerapkan perasaan ini mengajar rakyat bersyarikat. Kita nanti akan bincangkan satu Rang Undang-undang mungkin berkaitan juga hendak mengajar rakyat bersyarikat, bekerjasama dan berkorporat.

Nanti akan timbul apabila korporat, berapa banyak korporat yang sudah tumbang dan berapa banyak pemimpin, korporat yang masuk jel. Orang akan berasa jatuh semangat untuk hendak menyertai korporat sedangkan Pertubuhan Peladang ini juga merupakan satu korporat kepada kaum tani. Tetapi sudahkah kita tanamkan landasan korporat melalui Pertubuhan Peladang ini kepada petani. Kita suruh kaum tani, orang kampung bayar yuran setahun \$2 siapa bayar setahun \$2 dia dapat baja separuh harga. Ini menanamkan satu Ideologi tipu kepada rakyat. Tipu! Bayar \$2.50 akan dapat baja separuh harga. Kenapa tidak diterangkan bahawa Pertubuhan Peladang ini adalah satu korporat untuk menyelamatkan kaum tani dan kalau korporat ini berjaya boleh mengambil bahagian dalam perniagaan yang lebih luas kalau diluluskan oleh Pendaftar. Terangkan, terangkan betul-betul,

Sebentar tadi Yang Berhormat Puan Habidah menyebutkan bahawa Pertubuhan Peladang akan mengusahakan ternakan; ternakan darat, ternakan air dan bermacam-macam lagi. Saya hendak cakap masalah-tanah, petani dan hasilnya. Itu sahaja. Ada tanah, ada petani; ada petani ada hasil; daripada hasil boleh dipelbagai, Seorang yang pakar dalam bidang ini bercakap dengan saya, dia kata, Ustaz, masalah tanah ini kalau kita hendak menjadi petani yang boleh digolongkan petani moden, daripada adanya tanah dia akan maju menjadi kepada 12 peringkat. 12 peringkat! Daripada tanah tadi akan ada satu kilang, kilang, kilang hingga jadi 12 jenis kilang atau 12 jenis perusahaan daripada sekeping tanah.

Jadi bagaimana saya kata dengan tanah pusaka, dengan tanah tradisi yang 2 ekar, 3 ekar atau 4 ekar? Ini yang hendak dicantumkan, hendak disatukan. Kalau ini boleh dikorporatkan, kita boleh bela. Kalau ada 10,000 ekar tanah terbiar disatukan melalui Pertubuhan Peladang. Daripada 10,000 ekar tadi, sekeping tanah yang disatukan melalui korporat Pertubuhan Peladang ditingkatkan kepada penanaman, kepada itu, kepada ini sehingga kepada penghasilan mengeksport minyaknya kalau kelapa sawit atau biji kokonya kalau koko atau padinya untuk dipasarkan di dalam negeri kepada natijah yang ke-12, untung. Natijah yang ke-12 itu akan menerima keuntungan. Adakah Pertubuhan Peladang meminda Akta ini untuk mencapai kepada maksud itu. Kalau mencapai kepada maksud itu, saya bangga kerana di dalam Pertubuhan Peladang juga ada pakar-pakar ekonomi, pakar-pakar teori yang menganalisa dari satu masa ke satu masa. Tetapi jikalau tidak sampai kepada matlamat itu, pada saya pi-mai, pi-mai, tang tu juga! Saya cakap betul.

Tuan Yang di-Pertua, kita tengok sahaja. Kita kata kita mampu membeli beras kerana beli beras luar negeri murah tetapi kalau kita mempunyai padi yang cukup, ada kilang-mengilang yang cukup, padi itu bukan untuk dimakan oleh manusia; macam-macam jenis lagi boleh dibuat daripada padi atau daripada beras; meningkat kepada beberapa program, beberapa projek yang lain. Jadi, kalau kita melihat melalui lawatan-lawatan ke luar negeri, rombongan-rombongan rasmi Kerajaan sama ada daripada ahli-ahli politik atau pegawai-pegawai Kerajaan yang dihantar ke luar negeri melawat, melihat satu-satu pembangunan di negara lain untuk dibawa balik.

Hendak mengwujudkan satu korporat seperti Pertubuhan Peladang memerlukan kepada satu cara hendak menawan hati petani, peladang di kampung-kampung dengan approach, dengan pendekatan yang paling istimewa. Satu pendekatan yang paling istimewa untuk disampaikan kepada petani-petani dan peladang-peladang kita. Sebab petani-petani dan peladang-peladang di kampung-kampung ini boleh dikatakan masih banyak lagi yang buta huruf sungguhpun ada KEMAS, kelas membasmi buta huruf telah berjalan 30 tahun, Erti buta huruf di sini bukanlah buta huruf tak tahu baca A, B, C; dia tahu kalau motor itu tergantung satu keping plastik ada huruf merah itu dia tahu itu motor lesen "L"; dia kenal "L". Dia kenal lesen "L" yang ada di belakang motor itu. Ertinya dia tahu baca. Buta huruf yang saya maksudkan tadi dia tidak akan dapat menerima apa yang dimaksudkan oleh Kerajaan, oleh pemimpin, oleh manifestasi pertanian. Dasar Pertanian Negara yang cabangnya termasuk dalam Pertubuhan Peladang ini dia tidak dapat. Apatah lagi kalau, Tuan Yang di-Pertua, Juru-juru Teknik Kementerian ini sama ada yang di Jabatan Pertanian ataupun di Pertubuhan Peladang ini sendiri dia turun ke kampung, dia masuk ke kampung; dia bersikap "kepegawaian". Dia dah bersyarah, bersyarah, bersyarah di berpuluh-puluh kursus sivik anjuran bersama dengan Jabatan Penerangan; balik dia hendak start kereta atau motor dia: "pak cik, saya makan gaji. Pak cik hendak buat, buat; tak buat sudah, suka pak cik." Hancur 3 jam ucapan dia berpuluh-puluh tadi! Ini sikap masih ada. Dia bercakap berapi-api minta orang kampung menyahut seruan Kerajaan; dia hendak balik, dia bersalam: "saya ini makan gaji pak cik, menunaikan

kewajipan !"Orang kampung dengar "La ngomong koyok beledek, besaru anu, sebut-sebut gaji!" Maknanya bercakap, bersyarah macam petir, apabila salam waktu balik, "saya ini makan gaji. Sikap ini patut diubah.

Jadi kalau perlu Akta Pertubuhan Peladang ini dipinda supaya setiap orang yang bekerja di dalam Pertubuhan Peladang, setiap orang yang terlibat dengan Pertubuhan Peladang ini semua tidak diberi gaji. Terus berniaga 100%. Itu baru datang semangat, datang perasaan; kalau rugi pendapatan sedikit, kalau untung bonus menunggu bulan Disember. Ini yang Perdana Menteri maksudkan persyarikatan, penswastaaan dan sebagainya. Selagi masih ada orang makan gaji dalam Pertubuhan Peladang, pengedar beras yang dibuat oleh LPP yang berisi dalam kampak cap "NAFAS" itu, hendak hantar, hantar; tak hendak hantar, sudah, Sedangkan keuntungan itu sepatutnya kepada Tabung LPP tetapi kerana sikap itu tadi.

Memang benar, Tuan Yang di-Pertua, saya pergi ke beberapa tempat yang ada pengedaran beras yang dibuat bersama LPN-LPP ini, yang ditulis sana "NAFAS" itu, orang kampung tidak begitu gemar makan beras dalam kampak plastik. Saya tahu. Tetapi dalam beras kampak yang lain dia mahu, mengapa? Kerana adanya satu golongan mensabotaj bahawa beras yang dibuat oleh LPP yang berbuntul plastik bertulisan hijau ini beras hancurnya 30% kata dia, tidak layak dimakan oleh manusia. Adakah Kerajaan, LPP atau pihak Kementerian Pertanian sedar sabotaj ini? Jadi kalau kantung plastik atau buntul plastik itu boleh ditipu oleh satu agensi maka mata dan telinga LPP khususnya penguatkuasanya kenalah ligat dalam masalah ini, supaya tidak timbul nama LPP atau nama Kementerian Pertanian ini buruk di

mata rakyat, di mata orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi sebagai orang kampung, saya duduk di kampung, saya menyedari hakikat **ini**. Memang saya mahukan benar-benar bahawa Kementerian Pertanian, LPP dan Pertubuhan Peladangnya ini betul-betul boleh meresap ke dalam kampung-kampung, di desa-desa, di tepi jalan atau di pendalaman, kampung lama atau kampung baru selagi ada tanah pertanian saya merasakan bahawa manifestasi Pertubuhan Peladang ini mesti diterapkan ke situ, secukup-cukupnya, sehebat-hebatnya. Kalau tidak cukup, Tuan Yang di-Pertua saya kena bercakap bahawa tenaga siswazah kita yang keluar dari Universiti Pertanian banyak. Kenapa budak keluar Universiti Pertanian dimasukkan dalam Skim Siswazah Bantuan Khas duduk dekat pejabat terima \$400 tukang mengegam sampul surat.

Ini, Tuan Yang di-Pertua, keluaran daripada Universiti Pertanian minta masuk dalam Skim Siswazah Bantuan Khas dapat S400, dahulu \$600 tetapi sekarang sudah dipotong tinggal S400 jadi tukang gam sampul surat.

Sepatutnya LPP tampung ini. Selagi ada keluaran UPM ini, kaut semua masukkan dalam LPP. "Ayuh, tunjukkan engkau sudah belajar 5 tahun di Serdang, sudah kenal jenis akar dan pokok, jenis benih dan buah, engkau tahu kalau pokok layu apa ubatnya, kalau pokok mati apa hendak diganti. Ayuh ke depan dalam LPP, dalam pertanian." Jadi kena tempatnya orang keluaran daripada Universiti Pertanian kerjanya di bidang pertanian. Kalau dia kata, "Kami tidak mahu makan gaji, kami mahu satu projek, beri kami pinjaman, kami hendak berusaha sendiri." Berikan, jangan kita takut nanti kalau tidak bayar balik. Jangan disoal degan itu dahulu. Kalau disoal, "Kalau awak tidak bayar, siapa penjamin?" Tidak jadi. Jangan bertanya siapa jamin dan siapa tidak bayar. Beri dahulu biar dia cuba berusaha sebab dia baru, tunas baru yang mahu melaksanakan cita-citanya daripada bangku sekolah, lulus sebagai orang-orang pertanian daripada Universiti Pertanian, macam orang-orang yang keluar daripada pusat-pusat pengajian tinggi yang lain dalam bidang sastra, sains dan sebagainya, itu ada lorong masing-masing.

Tetapi saya hendak menitikberatkan bidang pertanian. Saya nampak bahawa selagi kita masih membeli, barang yang kita makan kita beli, barang yang kita pakai kita beli, barang yang kita tunggang kita beli, kita baru hendak laramkan Proton Saga yang ke 100,000 tetapi seorang sahabat saya yang pernah berkursus di Tokyo, di Jepun, di kilang kereta, dia kata, "Ustaz, dalam tempoh 25 tahun

kalau pengeluaran Proton macam ini, kesemua rumah akan mempunyai sebuah kereta, Tetapi waktu itu bagaimana pengendalian kilang ini? Selepas itu saya dengar kata pula, di, antara Proton dan EON bergaduh. Proton tukang buat, EON tukang edar "cek-cok" sama sendiri. Kenapa ini berlaku? Kalau benar, sebab ini orang beri tahu kepada saya .

Siapa kata orang Melayu tidak boleh buat? Anak muda di Rawang boleh buat satu alat yang sotistikated, katanya dia boleh tutup. enjin kereta macam yang ditunjuk di TV, dia duduk bersila, enjin kereta boleh hidup sendiri. Itupun tidak diakui. Ertinya otaknya sudah boleh maju ke hadapan. Pihak Kerajaan kena fikir budak semacam itu jangan dibiarkan dia melarat. Kalau usahanya itu dibiarkan sahaja, nanti dia jemu, dia merasa kecewa takut-takut nanti dia berdekat, dengan najis dadah.

Kita kata sampai 200,000 hingga 300,000 anak muda menagih dadah. Kita cakap beberapa kali, di Pusat Serenti itu sudah baik, kerana di Pusa Serenti yang saya lihat macam ada di satu tempat iaitu ladang Tabung Haji di Muazam Shah, ditempatkan orang-orang ini, tidak tahu berapa batu dari jalanraya, dia boleh baik. Ertinya kalau sudah baik, Kerajaan kena kumpulkan orang ini di satu tempat imigerankan, dikaurantinakan, jangan bercampur dengan samsing-samsing dadah ini, penjual-penjual dadah, pengedar-pengedar dadah, pembekal-pembekal dadah ini adalah manusia syaitan yang hendak menghancurkan orang. Dia mengaku, "Tuan, di sini kami sihat, apabila kami keluar kami akan dikejar oleh pembekal-pembekal, kami akan dikejar oleh geng-geng yang menjadi pengedar. Di dalam ini kami memang benci dengan dadah,"

Ini Kerajaan kena fikir, apabila sudah keluar daripada Pusat Serenti kena dikaurantinakan di tempat lain. Jangan bercampur dengan manusia biasa, nanti dia akan terlibat balik mencium najis dadah. Tenaga 200,000 orang yang kita katakan menagih dadah, kalau kita hendak serapkan bagaimana hendak menjadi belia tani yang dedikasi, belia tani yang diberi bekalan bantuan yang secukupnya, baik kewangan atau kepakaran, melalui. Pertubuhan Peladang ini saya nampak bahawa kita boleh mencapai kejayaan, tetapi kita kenakan beberapa syarat, Kalau kita masih bersikap kepegawaian dalam Pertubuhan Peladang ini, tidak sampai ke mana.

Tuan Yang di-Pertua, setakat itu saya mengambil bahagian di dalam membahaskan suatu Akta untuk meminda Akta Pertubuhan Peladang 1973 dan saya berjanji di dalam Dewan ini, saya akan memberikan bantuan yang sepenuhnya untuk menggerakkan semangat manifestasi Pertubuhan Peladang ini untuk mewujudkan peladang-peladang dalam negara kita, peladang-peladang yang maju, peladang-peladang yang gigih, peladang-peladang yang boleh kaya dengan hasil pertanian, bukan peladang yang cukup makan, kais pagi makan pagi kais petang makan petang, bukan. Tetapi peladang-peladang yang akan makmur, mewah tidak mengharapkan bantuan daripada orang lain. Saya percaya dengan kepimpinan yang ada di Kementerian Pertanian sekarang ini, dengan teori-teorinya yang baik-baik, sampai dikatakan bahawa Mat Jenin jatuh daripada pokok kelapa tidak mati. Sebenarnya Mat Jenin hidup, sekarang jadi Mat Jenin moden.

Saya hendak melihat Mat Jenin moden ini daripada menjual kelapa dua biji sehingga dia boleh beli kapal dan dia boleh kahwin dengan anak raja dan dia akan menjadi raja muda dalam negara itu.

Sekian terima kasih, jangan jadi Mat Jenin yang mati. Saya sokong pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Tuan Lau Keng Siong.
5.27 ptg.

Tuan Lau Keng Siong: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih oleh kerana memberi peluang, kepada saya untuk bersama-sama membahar satu Akta untuk meminda Akta Pertubuhan Peladang 1973.

Sebentar tadi saya mendengar ucapan dari Yang Berhormat Tuan Haji Saharom berkenaan dengan tanah terbiar. Saya sangat-sangat bersetuju atas ucapan Yang Berhormat. Kalau kita lihat di seluruh negara kita, tanah terbiar memang banyak. Orang asing, orang Eropah selalu menyebut, dengan izin, "Malaysia is a land flowing with milk and honey." Ini bermakna Malaysia adalah sebuah negara yang cukup kaya. Negara kita, kalau kita tanam apa sahaja, sayur-sayuran atau buah-buahan ia boleh hidup. Kalau kita banding dengan negara asing, ada negara-negara tanahnya tidak subur, hendak tanam apa jenis tanaman pun tidak boleh hidup. Inilah kerja Tuhan. Kalau tanah-tanah yang ada terbiar begitu sahaja saya fikir tidak, patut, Sepatutnya Kerajaan kita sebagai Kerajaan Barisan Nasional yang dipilih oleh rakyat yang berbilang bangsa, mengambil berat di atas perkara ini.

Dahulu saya tidak pernah dengar ada tanah kecek. Pada masa sekarang sudah ada tanah kecek, bermakna tanah itu tertinggal-tinggal. Jadi Kerajaan membuka kepada orang ramai untuk memohon, Tetapi apabila kita mohon tanah kecek ini, langsung tidak diberi jawapan. Ada yang sampai setahun tidak mendapat jawapan. Ini perkara benar. Saya sendiri tidak ada tanah, cuma sekeping tanah untuk rumah sahaja, tetapi setelah saya masuk parti Barisan Nasional 30 tahun lebih, memohon 6 ekar tanah, sampai hari ini belum dapat,

Ini termasuk tanah kecek, apabila kita hubung dengan ahli Exco, mereka selalu cakap, kalau Encik mahu minta betul-betul hendak tanah kecek, kita boleh beri dan rakan-rakan saya, tetapi apa kita mohon, permohonan kita letak di sana sahaja, tidak jawab, luluskah atau tidak, kita pun tak tahu. Saya cakap terus-terang sekarang di Malaysia kita kebanyakan orang yang miskin-miskin yang hendak tanah tetapi apabila mereka mohon tidak dapat, sampai mereka benci. Bila mereka benci, benci siapa? Benci kepada Kerajaan. Kerajaan dipilih oleh rakyat. Jadi saya harap-harapkan kakitangan Kerajaan kita yang bertanggungjawab Pejabat Tanah ini patutlah berhati-hati, bertimbang rasa kepada rakyat jelata yang cukup miskin yang mahu tanah 2-3 ekar, timbang rasa berikan kepada mereka kerana di tanahair kita, kita hendak menggalakkan orang-orang tanam sayur-sayuran dan buah-buahan. Di tanahair kita buah-buahan kita cukup sedap seperti buah betik, buah-buahan ini memang sangat sedap. Bila orang Eropah melawat Malaysia, terutama sekali mereka hendak rasa buah betik oleh sebab buah ini sangat sedap dan ada vitamin sepenuh-penuhnya. Kalau kita sebagai warganegara Malaysia kita tidak kasihi kepada negara kita, kita tidak mahu menggalakkan orangramai makan buah-buahan tempatan. Bila pergi ke market-market atau mini-market selalu kita tengok orang beli buah-buahan negara asing. Jadi Kerajaan ada satu masa menggalakkan orang-orang kita makan buah-buahan tempatan, tetapi perkara ini sudah senyap sampai hari ini, mengapa? Saya tak tahu.

Satu lagi saya hendak sebutkan di sini kita ada satu Buku Hijau. Allahyarham Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak masa itu sangat-sangat ambil berat atas peladang dan Buku Hijau ini untuk orangramai yang tak ada tanah mohon kepada Kerajaan untuk menanam

sayur-sayuran dan buah-buahan, tetapi sampai satu masa Buku Hijau ini pun sudah senyap, sampai hari ini kita tak pernah dengar Buku Hijau ini. Jadi rancangan ini patut dilaksanakan sampai bila-bila masa, tetapi sampai satu masa diam juga, mengapa? Saya tak faham.

Berkenaan peladang-peladang getah, buat masa sekarang ada peladang-peladang getah ubah syarat hendak menanam pokok kelapa sawit, tetapi saya fikir perkara ini tak betul. Kalau ada satu hari orang ramai tidak mahu tanam getah lagi, pengeluaran getah di negara kita makin lama makin kurang. Kita tengok pada hari ini orang-orang muda tidak suka toreh getah, Ada peladang-peladang banyak sudah berhenti oleh kerana tak ada orang toreh getah, mengapa? Ini tentu ada satu sebab. Kerajaan patutlah memandang perkara ini berat dan ambil berat atas perkara ini. Orang muda-muda kita, suka pergi Singapura cari kerja. Mengapa Kerajaan kita tidak menggalakkan mereka duduk di sini, beri mereka tanah menggalakkan mereka toreh getah. Buat masa sekarang kalau seseorang menoreh getah sekurang-kurangnya satu bulan boleh dapat S300-S400, itupun satu kerja yang baik tetapi buat masa sekarang banyak orang muda-muda tak suka. Kalau ada satu hari sampai orang tua-tua sudah bersara tak ada orang toreh getah, macam mana? Kita mesti timbang juga perkara ini. Kita mesti pandang jauh, tidak boleh biarkan begitu sahaja.

Sungguhpun kelapa sawit di negara kita banyak makmur, tetapi kadang-kadang harganya kalau dilawan dengan United' States of America, kadang-kadang mereka ada soya-bean, kalau banyak keluar kelapa sawit harganya jatuh. Tetapi getah ini saya fikir makin lama harga boleh jadi makin tinggi. Ini satu hasil yang terbesar sekali di negara kita. Kita patut ambil tindakan yang lebih tinggi, tindakan yang lebih memuaskan. Jadi orang-orang yang muda sekali

generasi besok mereka ada fikir terhadap negara kita, kita pun ada satu tanggungjawab kepada negara kita, Kerajaan kita dan rakyat kita. Apa salah kalau satu orang muda toreh getah? Patut ini beri penerangan kepada mereka, Saya harap Pejabat Penerangan ambil berat atas perkara ini, memberi penerangan di mana-mana kampung, mereka boleh jadi berfikir kalau saya seorang muda toreh getah, maruah saya rendah, itu saya fikir salah faham. Jadi saya harap Kerajaan kita Barisan Nasional ambil berat atas perkara ini.

Kalau kita banding pada masa sekarang kambing kampung kita pun kurang. Kalau dahulu kita tak pernah dengar kambing-kambing ini diimport dari luar negara, tetapi hari ini oleh sebab kambing-kambing kampung kita tidak mencukupi, kita terpaksa mengimport kambing-kambing dari Eropah dan Australia. Kalau dibandingkan daging-daging kambing-kambing kampung Malaysia kita dengan Eropah memang sedap daging kambing kampung di Malaysia kita, tetapi pada masa sekarang sangat-sangat kurang, mengapa? Ini satu perkara patut Kerajaan pun hendak ambil berat atas perkara ini untuk menggalakkan orang-orang kampung bela lebih banyak kambing kampung.

Berkenaan ayam juga, ayam-ayam kampung memang daging sedap. Apabila semua orang makan daging kampung tak ada sakit. Pada masa sekarang ada orang hendak berniaga cepat, hendak dapat wang cepat. Mereka ini bela ayam kampung kurung, apabila sudah sampai masa keluaran tak ada, mereka mesti hendak cucuk dengan satu benda - ubat ayam, sampai ayam itu dalam dua minggu dia gemuk. Kalau dalam dua minggu keluaran tak ada, ayam itu mati. Jadi perkara ini boleh membawa penyakit-penyakit kepada orangramai. Jadi saya fikir Kerajaan tak sedar atas perkara ini. Kalau kita boleh menggalakkan orang kampung bela lebih ayam kampung, saya fikir orang kita makan ayam kampung badan pun sihat, negara kita pun kuat, semua pun baik. Jadi nampak masa sekarang ayam kampung kurang, Dahulu kita tak pernah dengar ada ayam lain, ayam kampung sahaja mencukupi kita orang di sini makan, mengapa sekarang tak cukup? Inipun satu soal.

Jadi, manifesto Barisan Nasional telah berjanji apabila diadakan pilihanraya untuk mengatasi masalah orang yang tidak ada tanah, dia akan diberi tanah dan kalau tidak ada rumah, diberi rumah. Tetapi apabila sudah sampai masa, perkara ini pun sudah lupa. Saya harap di masa akan datang, kalau Barisan Nasional kita dalam manifestonya ada berjanji kepada rakyat, kita, mesti melaksanakan dengan sepenuh-penuhnya. Memang kadang-kadang kalau kita bandingkan mengapa orang miskin selalu salah faham atas urusan-urusan yang mereka jalankan pada pihak Kerajaan, oleh kerana mereka minta apa pun tidak dapat jawapan terus. Jadi, apabila tidak dapat jawab terus mereka sudah sakit hati. Jadi, memang tujuan Barisan Nasional sangat-sangat baik, untuk membetulkan.

Pada masa sekarang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hendak hapuskan kemiskinan. Kalau pejabat-pejabat kita, kakitangan kita tidak kerja sepenuh-penuh, tidak kerja sama-sama dengan Kerajaan Barisan Nasional, perkara-perkara seperti ini sampai bila pun tidak boleh diputuskan, tidak boleh sepenuhnya dilaksanakan, Jadi, saya harap dan saya mohon kepada semua pihak kakitangan Kerajaan, marilah kita bekerja sama-sama dengan Kerajaan Barisan Nasional, dengan orang ramai untuk kepentingan negara dan rakyat jelata kita. Kalau pemuda-pemuda kita mahu kerja di negara kita, Kerajaan sanggup beri tanah kepada mereka dan kalau mereka sanggup untuk menoreh getah, saya fikir pengangguran pun akan berkurangan. Jadi, apabila ada seseorang yang tidak suka kerja di dalam negeri kita tentulah ada sebab-sebab. Kerajaan mesti kaji dan mesti adakan satu jawatankuasa untuk mengkaji perkara ini. Oleh sebab kadang-kadang kita

pandang perkara-perkara ini sebagai kecil, tetapi lama-lama ianya boleh jadi besar, terutama sekali sekarang orang-orang muda tidak fikir, bila mereka keluar dari universiti, maktab dan sebagainya, apabila mereka menghadapi pengangguran, tidak ada kerja, mereka benci kepada Kerajaan. Jadi, kitalah kena beri penerangan secukup-cukupnya kepada mereka, biar mereka faham kedudukan negara kita.

Jadi, saya harap buku hijau ini dan tanah terbiar atau tanah koceh - ini Kerajaan sudah melaksanakan dulu - daa saya harap Kerajaan akan menyambung semula atas perkara-perkara **ini**. Apabila perkara-perkara ini telah disambung semula, orang ramai yang hendak tanam sayur-sayuran, yang hendak tanam buah-buahan boleh dapat tanah dan boleh tanam. Nampaknya di dalam negeri Johor tanah-tanah koceh tinggal begitu sahaja, banyak sekali. Tanah-tanah koceh ini, Tuan Yang di-Pertua, bermakna tanah-tanah yang orang tidak tahu, tidak tahu hendak memohon dan tinggal belakang - banyak sekali. Jadi, saya mohon Kerajaan kita ambil berat atas perkara **ini**. Kalau ada orang minta tanah ini, berikannyalah dan apabila mereka cukup alasannya, kita mesti berikan kepada mereka. Jadi, masalah-masalah seperti ini kita dapat mengatasi.

Di sini saya sekali lagi ambil peluang untuk menyokong Rang Undang-undang ini. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Azumu.

5.45 ptg.

Tuan Azumu bin Tak: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut serta dalam perbincangan yang ada di hadapan kita ini dan saya menyokong penerimaan suatu Akta untuk meminda Akta Pertubuhan Peladang, 1973.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertamanya sebelum saya menyampaikan ucapan saya berkenaan dengan Bil ini, saya ingin mengambil peluang ini untuk menegur Yang Berhormat sahabat saya Tuan Lau kerana kata-katanya yang sebab-sebab kenapa ramai rakyat di negara sekarang ini pergi keluar negeri, satu daripada sebabnya ialah kerana Kerajaan Barisan Nasional tidak mengikuti manifesto pilihanraya,

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini selalu dibangkitkan di masa yang akhir-akhir ini dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun sendiri berkali-kali memberitahu bahawa segala manifesto yang telah dijanjikan oleh Barisan Nasional adalah dipatuhi secara beransur-ansur. Jika pemimpin seumpama ini mengatakan bahawa kita tidak mengikuti apa yang kita janjikan maka itu adalah salah sama sekali. Saya agak itulah sebabnya kenapa ada rakyat kita yang pergi ke luar negeri bekerja, meninggalkan Malaysia dan menjadi rakyat negara lain, adalah kerana ada pemimpin-pemimpin dan kawan-kawan kita yang patut bertanggungjawab tentang masalah-masalah seumpama ini dan meraberi penerangan-penerangan yang salah kepada kawan-kawan mereka itu. Saya mengharap pemimpin-pemimpin seumpama ini dapat lebih rapat lagi dengan pemimpin parti mereka sendiri supaya dapat tahu keadaan yang sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam menyokong Bil **ini**, saya suka hendak memberi satu, dua pandangan untuk pertimbangan Kerajaan. Saya menyambut baik di atas keputusan Kerajaan dengan tujuan meminda Akta ini adalah kerana untuk memberi peluang kepada LPP dapat menubuhkan syarikat-syarikat supaya ianya dapat berfungsi dengan lebih cergas lagi tanpa penyertaan ahli-ahli. Kita tahu dengan penyertaan ahli-ahli maka banyaklah sungutan yang didengar pada tiap-tiap kali

tetapi hendak membuat kerja dengan sepenuhnya, tidak dapat dijalankan. Maka dengan penubuhan syarikat ini diharapkan bahawa LPP akan bertambah maju. Kita sedar bahawa sungguhpun ianya ditubuhkan dalam tahun 1973, tetapi yang kita pandang pada hari ini LPP adalah sebuah pertubuhan yang agak maju dan kita harus mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Kerajaan.

Di dalam penubuhan syarikat-syarikat ini, saya berharap supaya ianya tidak bersaing dengan syarikat-syarikat kecil bumiputera yang menjalankan perniagaan yang serupa di dalam negara kita ini. Perhatian yang sepenuhnya hendaklah dikaji tentang masalah ini, ianya juga ada disebutkan bahawa satu daripada fungsinya tidak akan men-duakan penduaan fungsi syarikat-syarikat **itu**. Maksudnya, jika ianya berniaga sesuatu perkara, maka ia tidaklah boleh ada lagi syarikat yang berniaga perkara yang seumpama. Saya suka hendak bertanya kepada Kerajaan, penduaan fungsi ini adakah terlibat di peringkat kebangsaan sahaja ataupun di peringkat negeri pun dikenakan serupa itu juga. Bolehkah di peringkat negeri menubuhkan syarikat dengan fungsi yang sama yang ada di peringkat pusat, Ini adalah penting, kerana kemungkinan di peringkat negeri secara kecilan boleh juga menubuhkan syarikatnya untuk kepentingan negeri yang dimaksudkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi, di dalam penubuhan syarikat ini maka Ketua Pendaftar Pertubuhan Peladang hendaklah dirujuk dahulu dan beliau hendaklah memberi kelulusan sebelum syarikat ini ditubuhkan. Tuan Yang di-Pertua, saya faham bahawa Ketua Pengarah LPP adalah seorang yang berpengalaman, pegawai Kerajaan yang berpengalaman dan cekap tetapi, Tuan Yang di-Pertua, di dalam menghadapi masalah perniagaan ini, tiap-tiap hari sesuatu perkara itu berubah, tiap-tiap hari sesuatu masalah datang, tiap-tiap hari cara-cara baru ada dibawakan untuk perniagaan oleh satu-satu badan itu.

Maka, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya di dalam Ketua Pengarah memikirkan untuk membenarkan atau tidak penubuhan syarikat oleh LPP ini, beliau harus ada jawatankuasa, sebuah jawatankuasa haruslah ditubuhkan oleh Kerajaan untuk mengkaji apabila permohonan untuk menubuhkan syarikat ini sampai kepadanya. Mengikut apa yang disebut oleh Timbalan Menteri semalam; Ketua Pengarah seorang sahajalah yang akan memikir dan membuat keputusan sama ada syarikat boleh ditubuhkan ataupun tidak.

Maka saya khuatir jika seorang pegawai sahaja memikirkan masalah ini, seperti yang saya katakan tadi, di dalam kita menghadapi arus perniagaan ini banyak perkara-perkara baru berlaku, perkara-perkara yang kemungkinan Ketua Pendaftar itu tidak tahu. Maka dengan adanya jawatankuasa yang saya harap akan dianggotai oleh peniaga-peniaga yang berpengalaman, yang mempunyai perhubungan yang luas dan dapat menyertai bersama dengannya dan menasihati Ketua Pengarah itu tentang boleh atau tidaknya sebuah syarikat itu ditubuhkan dengan tujuan-tujuan perniagaan yang hendak dilakukannya melalui LPP ini.

Saya yakin dengan itu dapat kita menerima, Kerajaan dapat memperkemaskinikan segala tujuan-tujuan ini dan saya juga menyokong pendapat Yang Berhormat Saudara Dahalan tadi berkenaan dengan pengurusan yang cekap di dalam semua syarikat ini. Kita tahu, Tuan Yang di-Pertua, mengikut pengalaman kita, tiap-tiap Perbadanan Kemajuan Negeri yang mempunyai begitu banyak syarikat di dalam negara kita ini tidak mendapat keuntungan yang kita harapkan.

Banyak daripada syarikat-syarikat itu rugi tetapi kerana ianya ada syarikat-syarikat lain yang kuat dapatlah menampung syarikat-syarikat yang kecil **ini**. Saya berharap bahawa dengan pengurusan yang cekap yang akan menyertai syarikat-syarikat LPP ini maka ianya akan maju, tidaklah seperti Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri yang ada. Kerajaan haruslah berwaspada dengan pengalaman-pengalaman kita yang begitu luas tentang masalah ini supaya ianya tidak berlaku lagi di dalam syarikat-syarikat seumpama **ini**, kerana inilah tempat rakyat bergantung. Jika syarikat yang ditubuhkan oleh LPP tidak mendapat keuntungan, maka tidaklah ada badan yang lain yang boleh kita harapkan untuk menolong petani-petani yang kecil-kecil **ini**.

Seperit yang saya katakan LPP ditubuhkan di antara tahun 1973 dan sehingga hari ini kita memuji di atas segala usaha-usaha mereka yang mendapat sokongan yang kuat oleh semua rakyat sungguhpun mereka sedar bahawa dengan menyertai LPP mereka tidaklah mengharapkan keuntungan ataupun pendapatan yang lebih daripada apa yang mereka dapati, tetapi mereka bergantung dengan sepenuhnya kepada badan seurapama ini. Maka dengan itu sudah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk menghormati kehendak-kehendak rakyat di dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata yang demikian, saya menyokong Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Tuan Hassan Nam.

5.53 ptg.

Tuan Hassan bin Nam: Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang. Saya bangun untuk turut bersama mengambil bahagian di dalam membahas dan memberi sokongan terhadap suatu Akta untuk meminda Akta Pertubuhan Peladang

dan Akta ini dinamakan Akta Pertubuhan Peladang (Pindaan) 1988 yang mana telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian di Dewan yang mulia ini baru sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas di atas usaha yang dijalankan oleh pihak Kementerian Pertanian dan Kerajaan sehingga ini yang telah meminda Akta Pertubuhan Peladang ini. Pindaan ini, saya rasa sudah sampai pada masanya untuk dipinda pada fasal yang ketinggalan zaman dan dipinda kepada fasal atau seksyen yang lebih bersesuaian seperti Fasal 2 bertujuan membuat pindaan kepada Seksyen 6 Akta bagi membolehkan Pertubuhan-pertubuhan Peladang ini boleh bergiat dalam usaha-usaha perdagangan atau perniagaan yang lebih besar dan bersaing dengan syarikat-syarikat swasta. Pindaan-pindaan yang dicadangkan ini bertujuan menggantikan, subseksyen (2) dengan seksyen 2 yang baru dengan peruntukan-peruntukan yang diubahsuai bagi melarang penubuhan apa-apa syarikat atau penyertaan ekuiti dalam mana-mana usaha perdagangan atau perniagaan oleh sesuatu Pertubuhan Peladang tanpa kelulusan Pendaftar.

Ia juga bertujuan memasukkan subseksyen (3) dan (4) bagi memberi kuasa kepada Pendaftar menghadkan dan mengenakan syarat-syarat ke atas atau mengawal kuasa-kuasa sesuatu Pertubuhan Peladang untuk memastikan Pertubuhan itu diuruskan dengan cekap dan tanpa penduaan fungsi.

Dengan adanya diperluaskan Akta Pertubuhan Peladang, ini saya percaya di atas segala aktiviti perniagaan, pemasaran barang-barang dari hasil pertanian peladang-peladang negara kita ini dan peladang-peladang akan dapat memasarkan segala hasil ladang mereka dengan baiknya dengan diuruskan oleh LPP memasarkan bukan sahaja di

kawasan tempatnya beroperasi tetapi juga dibolehkan bersaing dengan syarikat-syarikat swasta yang besar memperdagangkan barang-barang hasil ladang ke luar negeri atau eksport bersaing dengan pihak swasta.

Kemungkinan sebelum ini tidak diberikan. Dengan adanya pihak Kerajaan memperluaskan Akta Pertubuhan Peladang ini kita harapkan agensi ini akan bertambah maju dan dapat lebih hasil sebagaimana lain-lain agensi Kerajaan seperti RISDA, FELDA DAN FELCRA dan juga kita harap, Tuan Yang di-Pertua, segala pemasaran, hasil-hasil pertanian orang-orang kampung kita tidak lagi akan melalui orang tengah. Diharap LPP akan mengambil peranan memasarkan segala hasil yang saya sebutkan tadi supaya segala harga barang-barang pertanian orang-orang kampung ini akan terjamin dengan harga yang berpatutan, tidak lagi tertipu oleh orang tengah. Contohnya, kalau orang tengah ini membeli hasil-hasil di kampung ini seperti buah rambutan, durian dan sayur-sayuran dengan harga sangat murah tetapi bila kita beli di pasar dengan harga yang berlipat ganda. Saya harap pihak LPP akan mengambil perhatian di atas perkara tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu bercakap panjang di atas perkara **ini**, kerana semuanya telah disentuh oleh rakan-rakan tadi. Maka sekian sahaja, terima kasih, saya mohon menyokong Rang Undang-undang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat hendak berucap? Jikalau tidak ada, sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian untuk memberi jawapan, Dipersilakan Yang Berhormat.

5.59 ptg.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan, saya mengambil peluang ini menghulur ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Yang Berhormat Yang Berhormat Senator yang telah bangkit membahas Rang Undang-undang Pertubuhan Peladang (Pindaan) 1988 di Dewan yang mulia ini.

Tujuh orang Yang Berhormat Senator telah mengambil bahagian. Mereka adalah Yang Berhormat Senator Tuan Dahalan bin Haji Embun, Yang Berhormat Senator Puan Habidah Jusoh, Yang Berhormat Senator Puan Hajjah Salbiah Mohd. Akim, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Shahrarom Maasom, Yang Berhormat Senator Tuan Lau Keng Siong @ Joseph Lau Keng Seong, Yang Sarhormat Senator Tuan Azumu Tak, dan Yang Berhormat Senator Tuan Hassan Nam.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dinyatakan, semasa mencadangkan Rang Undang-undang ini pada petang semalam, dan sekejap tadi dalam Dewan ini, tujuan Akta Pertubuhan Peladang dipinda ialah untuk membolehkan Pertubuhan Peladang menceburi secara aktif di dalam aktiviti-aktiviti ekonomi, yang menguntungkan dan untuk memperkemas lagi Akta tersebut agar sejajar dengan perubahan yang berlaku sejak Pertubuhan Peladang mula ditubuhkan pada tahun 1973.

Pertubuhan Peladang adalah satu pertubuhan yang bercorak koperasi, yang dimiliki dan dianggotai oleh peladang-peladang sendiri. Banyak pihak sebenarnya terkeliru dengan memberkatakan Pertubuhan Peladang sebagai pertubuhan. Jabatan, atau agensi Kerajaan., Pertubuhan Peladang pada hakikatnya diurus oleh jemaah pengarah yang dipilih oleh para perwakilan daripada kalangan ahli-ahli dalam Mesyuarat Agung.

Peranan yang dimainkan oleh sebuah Pertubuhan Peladang adalah pelbagai, merangkumi bidang-bidang ekonomi, sosial dan kebajikan, selaras dengan hasrat untuk menjadikannya pusat perkhidmatan kepada peladang-peladang dalam kawasan masing-masing. Umumnya Pertubuhan Peladang Kawasan menjalankan kegiatan-kegiatan berikut, biarlah saya nyatakan sedikit sebanyak sebagai latar belakang.

Pertama, mengatur projek pengeluaran tanaman dan ternakan termasuk ternak air, termasuk juga mengusahakan tanah dan kolam terbiar.

Kedua, pembekalan baja kimia pertanian dan lain-lain bahan

keperluan ladang termasuk pengedaran baja subsidi padi.

Ketiga, pemasaran hasil-hasil pertanian yang dikeluarkan oleh ahli.

Keempat, menyediakan dan mengatur keperluan kredit untuk ahli-ahli.

Kelima, mengatur khidmat jentera ladang termasuk bagi tujuan membajak dan menuai.

Keenam, mengendali projek-projek pemerosesan hasil-hasil pertanian seperti pengawitan tembakau, koko, tanaman padi.

Ketujuh, projek-projek pemerosesan makanan kecil, menganjur projek-projek pemerosesan makanan kecil yang diperolehi oleh ahli-ahli.

Kelapan, menyediakan kemudahan simpanan wang.

Kesembilan, mengendali kursus-kursus untuk ahli; dan.

Kesepuluh, menjalankan projek-projek sosial dan kebajikan seperti bantuan kebajikan hadiah pelajaran dan lain-lain.

Yang Berhormat Tuan Dahalan bin Haji Embun, telah menyentuh soal yang berkaitan dengan pengurusan wang tunai, yakni katanya amalan menyimpan banyak wang di tangan.

Sukacita dinyatakan bahawa cadangan Yang Berhormat mengenai pengurusan wang tunai oleh LPP adalah diambil perhatian. Yang Berhormat juga telah menyentuh mengenai bayaran balik pinjaman yang agak kurang berasaskan penyata akaun Lembaga Pertubuhan Peladang 1986. Sebenarnya Yang Berhormat, pinjaman ini diberi kepada Pertubuhan-pertubuhan Peladang Kawasan dan Pertubuhan Peladang Negeri untuk melaksanakan aktiviti yang memanfaatkan ahli-ahlinya, umumnya kepada petani. Pinjaman yang dihulurkan ini lazimnya merupakan pinjaman jangka panjang, iaitu pinjaman bagi penanaman koko, kelapa

sawit dan sebagainya. Rasanya bayaran balik kepada pinjaman jenis ini akan mengambil masa yang panjang, kadangkala 15 tahun selepas hasil dikeluarkan.

Yang Berhormat Senator Tuan Dahalan bin Haji Embun juga membangkit soal belanja mengurus, LPP dan faedahnya kepada peladang. LPP mempunyai 2,684 jawatan yang diisi dalam tahun 1987, 60.43% atau 1,621 jawatan, merupakan jawatan' yang dipegang oleh pegawai-pegawai yang ditempatkan dalam Pertubuhan Peladang bagi mentadbir dan mengurus Pertubuhan Peladang, yang berjumlah 193 buah, iaitu:

PPK 181

PPN 11

NAFAS 1

Dengan perantaraan bantuan kakitangan inilah Pertubuhan Peladang telah berjaya mengendalikan berbagai projek. Dalam tahun 1987 sebanyak 2,091 buah projek yang melibatkan seramai 320,527 orang telah dilaksanakan. Ini merupakan satu peningkatan sebanyak 7.7% dari segi projek dan 4.5% dari sudut orang ahli yang berkecimpung, berbandi dengan tahun 1986. Pada keseluruhannya Yang Berhormat pada tahun 1987 penghasilan daripada keseluruhan aktiviti projek PPK telah menyumbang sebanyak \$108 juta kepada ekonomi negara.

Yang Berhormat Senator Puan Habidah Jusoh menyentuh mengenai latihan untuk belia bagi menjadi peladang jaya. Mulai tahun 1988 LPP telah mula melaksana program latihan belia sebagai persediaan untuk mereka menjadi pemimpin pelapis, dalam Pertubuhan Peladang dan seterusnya menjadi peladang jaya. Program ini akan dipesatkan lagi

pada tahun-tahun akan datang, mulai tahun hadapan Kementerian Pertanian bercadang untuk mengadakan pertandingan peladang muda jaya yang mana tujuannya ialah untuk menggalakkan belia-belia menyertai bidang pertanian secara serius, aktif dan produktif.

Yang Berhormat Senator Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim membangkit tentang tanah ran yang tidak diusahakan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, LPP telah dilantik sebagai Leap Agency, dengan izin, untuk melaksanakan pemulihan tanah sawah terbiar.

Pembangunan di tanah sawah terbiar merupakan aktiviti, berterusan yang dikendali oleh PPK dan juga agensi-agensi lain yang berkaitan, meskipun terdapat masalah-masalahnya yang tersendiri untuk dimajukan, sukacita dimaklumkan. bahawa setakat ini, PPK telah berjaya memajukan pada tahun 1986 seluas 5,647 hektar. Pada tahun 1987 5,377 hektar dan iasya Allah pada tahun 1988 yang belum habis lagi sebanyak 5,574 hektar.

Sebagai satu galakan untuk memulihkan tanah terbiar, Kementerian Pertanian menyediakan peruntukan kira-kira \$1,000 bagi setiap hektar.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tanah terbiar ini terbahagi kepada dua. Pertama tanah sawah terbiar. Ini terletak di bawah tanggungjawab Kementerian Pertanian.

Kedua, tanah bukan sawah terbiar, dan ini terletak di bawah pengendalian FELCRA, iaitu:

- (i) Kita mempunyai sejumlah 125,000 hektar.
- (ii) Memang luas sekali.

Semenjak tahun 1981 seluas 33,000 hektar telah dipulihkan dengan tanaman padi, kelapa sawit, buah-buahan dan sayur-sayuran.

Pada tahun 1989 kita merancang untuk memulih kira-kira 5,000 hektar lagi. Akan tetapi masalah yang dihadapi oleh kita pada hari ini adalah soal persetujuan tuan-tuan tanah sawah terbiar itu sendiri, kadangkala mereka berada di tempat yang jauh daripada lokasi tanah sawah terbiar itu. Mereka ini terkenal sebagai absentee land lord, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Senator Tuan Azumu Tak telah membangkitkan soal pertimbangan dan keputusan Pendaftar Pertubuhan Peladang keatas permohonan anak syarikat. Sebenarnya sebelum Pendaftar membuat keputusan meluluskan atau menolak sesuatu permohonan penubuhan anak syarikat Pertubuhan Peladang, satu kajian yang mendalam dari berbagai segi dan aspek akan dilakukan oleh pegawai-pegawai pendaftar yang akan memberi pandangan serta perakuan dalam kertas kerja. Laporan ini akan dibincang oleh sebuah jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Pendaftar.

Yang Berhormat jua telah menyoal bolehkah LPP peringkat negeri menubuhkan anak syarikat yang mungkin wujud. Permohonan penubuhan anak syarikat akan ditimbang mengikut kes-kes tertentu, dengan izin, case by case, keperluan penubuhan itu akan dikaji dari berbagai aspek termasuk dari segi panduan fungsi.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagilah saya ingin mengucapkan berbilang-bahyak terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah memberi pandangan-pandangan, teguran-teguran dan cadangan-cadangan bagi memperbaiki perjalanan dan mempertingkatkan lagi prestasi Pertubuhan Peladang ini. Mana-mana persoalan yang tidak sempat disentuh kerana kesuntukan masa percayalah semuanya telah diambil perhatian dan tindakan sewajarnya akan disusuli, Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua mengengeruskan Jawatankuasa]

Fasal 1 hingga 5 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Dato' Wan Abu Bakar, Timbalan Menteri Buruh mencadangkan Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 13(2), Dipersilakan Yang Berhormat.

USUL

Aturan Urusan Mesyuarat

Timbalan Menteri Buruh [Dato' Wah Abu Bakar bin Wan Mohamed]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 13(2) Dewan ini akan terus menimbangkan Perkara 3 dan seterusnya dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini.

Timbalan Menteri Pertanian [Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul atas nama Yang Berhormat Dato' Wan Abu Bakar, Timbalan Menteri Buruh iaitu Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 13(2) Dewan ini akan terus menimbangkan Perkara 3 dan seterusnya dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini, disetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat L3(2) Dewan ini akan terus menimbangkan Perkara 3 dan seterusnya dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini.

RANG UNDANG-UNDANG PERHUBUNGAN PERUSAHAAN (PINDAAN)**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****6.16 ptg.**

Timbalan Menteri Buruh [Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya satu Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi meminda Akta Perhubungan Perusahaan 1967 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, objektif utama Akta Perhubungan Perusahaan 1967 ialah untuk mewujudkan dan mengekalkan perhubungan yang harmoni di antara pekerja-pekerja yang diwakili oleh Kesatuan Sekerja dan majikan. Di antara lain, Akta ini menghuraikan peraturan-peraturan mengenai pengemukakan tuntutan pengiktirafan oleh kesatuan sekerja. Dan cadangan-cadangan bagi perjanjian bersama mengenai skim gaji dan syarat-syarat perkhidmatan termasuk cara-cara penyelesaian pertikaian yang timbul dari perhubungan mereka ini.

Rang Undang-undang yang dikemukakan ini bertujuan hanya untuk melicinkan lagi pelaksanaan Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang izinkan saya huraikan fasal-fasal penting dalam Rang Undang-undang tersebut. Pada masa ini Kesatuan dibenarkan mengemukakan tuntutan pengiktirafan yang baru selepas masa tiga bulan setelah tuntutan pengiktirafan yang terdahulu ditolak oleh Menteri di bawah Seksyen 9(5). Jangka masa tiga bulan ini adalah terlalu singkat, kesatuan kerap mengemukakan tuntutan sebaik sahaja tamat tempoh tiga bulan. Keadaan ini telah menimbulkan masalah pentadbiran kepada pihak berkuasa dan majikan-majikan. Oleh yang demikian, dicadangkan dalam Fasal 4 supaya tempoh menunggu sebelum sesuatu kesatuan itu mengemukakan

tuntutan pengiktirafan yang berikutnya dilanjutkan kepada enam bulan.

Fasal 5 adalah bertujuan menentukan perjanjian-perjanjian bersama yang ditandatangani mengandungi syarat-syarat perkhidmatan yang tidak kurang daripada apa yang dibekalkan di bawah Akta Majlis Penetapan Gaji 1947 dan Akta Kerja 1955. Cadangan pindaan ini perlu untuk memastikan supaya pekerja-pekerja sama ada yang berkesatuan atau sebaliknya menikmati faedah-faedah minima yang sama.

Pindaan selanjutnya di dalam Fasal 7, adalah untuk menyeragamkan prosedur mengurus dan mengendalikan semua kes pembuangan kerja sama ada pekerja itu berseorangan atau ahli kesatuan sekerja.

Fasal 8 pula mencadangkan pindaan kepada peruntukan mengenai pembuangan kerja. Pada masa ini seseorang pekerja tidak berkesatuan yang dibuang kerja hendaklah mengemukakan rayuannya kepada Ketua Pengarah, Perhubungan Perusahaan di bawah Seksyen 20(1) dalam tempoh 30 hari untuk dipulihkan semula di dalam jawatannya. Seseorang pekerja yang menjadi ahli kesatuan pula tidak boleh menikmati peruntukan ini. Untuk mengatasi keadaan yang tidak seimbang ini adalah dicadangkan pengliputan Seksyen 20(1) diperluaskan untuk merangkumi seraua pekerja yang dibuang kerja. Di samping itu tempoh untuk mengemukakan rayuan dicadangkan dilanjutkan dari 30 ke 60 hari untuk memberi masa yang mencukupi bagi membolehkan pekerja-pekerja yang dibuang kerja mengemukakan rayuan.

Fasal 8 juga bertujuan membuat pindaan kepada urusan rundingan damai bagi kes-kes pembuangan kerja. Pada masa ini mana-mana pihak boleh diwakili oleh Peguam, penasihat ataupun jururunding di sesuatu

urusan rundingan damai. Kehadiran mereka ini melambatkan usaha rundingan damai kerana persoalan undang-undang biasanya dibangkitkan yang memerlukan banyak masa untuk diselesaikan.

Ini adalah bertentangan dengan hasrat asal peruntukan ini diadakan. Maka untuk membolehkan penyelesaian secepat mungkin tanpa melibatkan kos yang banyak kepada semua pihak yang berkenaan adalah dicadangkan perwakilan mana-mana pihak oleh peguam, penasihat atau jururunding tidak dibenarkan. Walau bagaimanapun, pihak-pihak berkenaan masih boleh diwakili oleh kesatuan mereka tanpa mengira sama ada persatuan itu didaftarkan sebagai kesatuan sekerja ataupun tidak.

Fasal 9, 10 dan 11 adalah mengenai keahlian Mahkamah Perusahaan. Mahkamah Perusahaan pada masa ini dianggotai oleh seorang Presiden atau Pengerusi dan dibantu oleh tiga ahli yang terdiri dari seorang ahli bebas, seorang yang mewakili pekerja dan seorang ahli yang mewakili majikan. Memandangkan Presiden atau Pengerusi adalah bebas di dalam satu-satu perbicaraan, adalah dirasai keanggotaan ahli bebas tidak perlu dikekalkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, perbicaraan di Mahkamah Perusahaan masa kini semakin menjadi lebih legalistic, dengan izin. Oleh itu, adalah dicadangkan Presiden dan semua Pengerusi Mahkamah Perusahaan hendaklah berkelulusan undang-undang dan berpengalaman sekurang-kurangnya 7 tahun sebagai peguambela dan peguamcara atau telah berkhidmat selama 7 tahun dalam Perkhidmatan Perundangan dan Kehakiman ataupun di dalam keduanya perkhidmatan sekali. Pindaan ini adalah dicadangkan dalam Fasal 12.

Seterusnya, Fasal 15 dan 16 adalah untuk menjelaskan bahawa bidangkuasa Mahkamah Perusahaan tidak terhad kepada mendengar pertikaian perdagangan dan penguasaan kerja sahaja tetapi juga

meliputi kes-kes mengenai interpretasi, perintah perubahan dan kes-kes tidak mematuhi kepada keputusan Mahkamah Perusahaan dan perjanjian bersama.

Satu perkara penting yang telah diberi perhatian sewajarnya dalam cadangan pindaan kepada Akta ini ialah mengenai ketakpatuhan perintah Mahkamah Perusahaan. Pada masa sekarang peraturan untuk menguatkuasakan perintah bagi mematuhi keputusan Mahkamah Perusahaan adalah rumit kerana semua urusan penguatkuasaan perlu dilakukan melalui pertuduhan jenayah. Peraturan ini didapati tidak berkesan dalam menguatkuasakan perintah Mahkamah Perusahaan dan ini telah menimbulkan masalah pada mereka-mereka yang berjaya menerima keputusan-keputusan Mahkamah Perusahaan tersebut. Untuk membolehkan tindakan penguatkuasaan, perintah Mahkamah Perusahaan dibuat dengan cara yang lebih berkesan dan cepat, maka hendaklah dicadangkan Seksyen 56(4) dan 56(5) dibatalkan dan diganti dengan satu peruntukan baru. Peruntukan baru ini akan membolehkan mana-mana pihak yang tidak puas hati dengan ketakpatuhan perintah Mahkamah Perusahaan untuk mengambil tindakan bagi menguatkuasakan perintah-perintah berkenaan melalui tindakan sivil. Cadangan pindaan ini adalah dikemukakan dalam Fasal 19.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, salah satu pindaan penting yang dicadangkan dalam Fasal 20 ialah untuk memberi kuasa kepada Menteri Buruh mengisytiharkan mana-mana industri sebagai perkhidmatan penting demi untuk memelihara ekonomi negara. Dalam hubungan ini saya ingin memberi jaminan kepada Dewan ini bahawa kuasa ini tidak akan digunakan sewenang-wenangnya, akan tetapi hanya akan digunakan dalam keadaan yang mengancam kestabilan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu Akta untuk meminda Akta Perhubungan Perusahaan 1967 dibaca kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ada di antara Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak berbahas - boleh mula berbahas dan boleh sambung esok. Sila Yang Berhormat Senator C. Krishnan.

6.25 ptg.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil bahagian di dalam perbahasan satu Akta untuk meminda Akta Perhubungan Perusahaan 1967. Tuan Yang di-Pertua, Akta Perhubungan Perusahaan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Buruh ini adalah perlulah untuk masa sekarang. Seperti yang dikatakan oleh Timbalan Menteri, beberapa pindaan-pindaan ini dibuat untuk mengadakan satu perhubungan baik dengan majikan dan kesatuan.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai Seksyen 14(3) memastikan perjanjian bersama tidak kurang faedahnya daripada peruntukan Akta Majlis Penetapan Gaji 1947 dan Akta Kerja 1955. Kerap kali, Tuan Yang di-Pertua, saya membawa masalah-masalah estet bukan kerana saya juara pekerja-pekerja ladang. Ini adalah satu masalah yang luar biasa pada pekerja-pekerja yang lain. Seperti pekerja-pekerja ladang, apabila mereka buat perjanjian bersama, mereka perlu mengambil beberapa faktor mahupun pihak NUPW baikpun MAPA. Saya telah menimbulkan satu perkara di dalam Dewan ini dua hari dahulu iaitu pekerja-pekerja ladang, terpaksa hadir pekerjaan itu sebelum dan selepas perayaannya. Sebelum dan selepas ini berertinya, sekiranya mereka tidak hadir ke pekerjaan, mereka

didenda dengan tidak hadir, bermakna itu bukan diambil kira sebagai cuti tetapi diambil kira sebagai tidak hadir. Dalam zaman ini saya berpendapat dalam perjanjian macam ini perlu Kerajaan campurtangan untuk menolak perjanjian-perjanjian seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti pekerjaan yang lain, seorang pekerja Jabatan Kerja Raya atau seorang pekerja dari Jabatan Parit dan Taliair keluar bekerja dan kalau masa itu hujan, mereka mungkin tidak balik ke rumah, mereka mungkin cari tempat supaya hujan berhenti. Di sini pekerja-pekerja ladang yang mereka menjadi penoreh getah, apabila hujan mereka terpaksa balik. Kalau hujan itu berturut-turut sampai satu atau dua jam mereka tidak boleh menoreh getah. Sekiranya seorang pekerja kelapa sawit itu, kalau hujan berturut-turut terpaksa balik ke rumah.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, saya mohon maaf, masa sudah cukup. Ahli Yang Berhormat boleh menyambung ucapan dalam perbahasan pada hari esok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya tangguhkan Dewan yang mulia ini hingga jam 3.00 petang hari esok, hari Jumaat, 16hb Disember, 1988.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.